

# Industri asas tani sebagai kerjaya

MS3, 4, 5 & 8



# Ekopelancongan negeri

MS 11, 14 & 15

NOVEMBER 1-15, 2018



PERCUMA

# BULETIN MUTIARA



[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

## Skim Pinjaman Harapan pemangkin usahawan majukan diri, perkasakan perniagaan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**BATU UBAN** - Pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) dijenamakan semula sebagai Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang.

Majlis pelancarannya disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 13 Oktober lalu.

Kon Yeow dalam ucapannya berkata, SPH yang dahulunya dikenali sebagai PTSR adalah skim pinjaman mikro kredit jangka pendek dengan matlamat untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal yang mudah serta tidak membebankan penjaja serta peniaga kecil di Pulau Pinang.

Menurutnya, skim (pinjaman) tersebut disalurkan tanpa sebarang cagaran, penjamin serta caj perkhidmatan untuk tahun pertama dengan jumlah pinjaman hingga maksimum RM25,000 dan tempoh bayaran balik di antara satu hingga tiga tahun.

"SPH telah banyak membantu usahawan Pulau Pinang mengembangkan modal perniagaan masing-masing sekaligus menjadi mercu aras Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berkebajikan dan keusahawanan."

"Malah, sejak ditubuhkan pada tahun 2009, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah memperuntukkan kira-kira RM11 juta membabitkan 3,060 peminjam bagi semua daerah di Pulau Pinang sehingga kini.

"Pelbagai insentif dan faedah telah disediakan, diharap ianya menjadi pemangkin kepada golongan usahawan untuk terus berusaha memajukan diri serta memperkasakan bidang perniagaan masing-masing," ujar beliau sambil memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri begitu komited dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan terbaik kepada golongan berkenaan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Dato' Abdul Halim Hussain (Exco

Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan), Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Komtar) dan Jeffrey Chew (Timbalan Pengurus Besar II PDC).

Serentak itu, majlis turut diselitkan dengan pengisian program pemantapan usahawan.

Seramai 26 usahawan dari pelbagai daerah menerima cek pinjaman masing-masing dengan jumlah pinjaman keseluruhan sebanyak RM232,000.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa peratusan bayaran balik yang diterima sehingga kini adalah 86 peratus, dan PDC selaku agensi pelaksanaan program akan terus melakukan pemantauan.

"PDC akan bertindak sebagai fasilitator untuk memberikan kesedaran dan kepentingan bayaran balik selain menyediakan usahawan-usahawan ini dengan kursus, latihan serta program yang diperlukan," jelasnya yang merupakan ADUN Padang Kota merangkap

### PROGRAM PEMANTAPAN USAHAWAN & PELANCARAN SKIM PINJAMAN HARAPAN (SPH) NEGERI PULAU PINANG



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil PDC bergambar bersama-sama para penerima pada Program Pemantapan Usahawan dan Pelancaran SPH Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Tanjung.

Sejajar dengan penjenamaan semula itu, Abdul Halim memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan melihat kepada keberhasilan dan kejayaan peminjam-peminjam tersebut menjalankan perniagaan masing-masing.

"Ini gunanya PDC sebagai fasilitator, yang mana mereka akan sentiasa memantau dan melihat perkembangan usahawan-usahawan

ini sama ada terdapat peningkatan jualan atau sebaliknya.

"Untuk itu juga, kita galakkan mereka untuk menceburkan diri dan perniagaan dengan bidang digital yang sekaligus akan membantu melonjakkan produk serta pemasaran mereka," katanya.

(Liputan lanjut di keluaran seterusnya).

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai lesen Perniagaan/Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenaraikan hitam (CTOS)

HUBUNGI SEGERA:  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC  
Tel. 04-6340111 samb. 141/125/182/354/159/366

# Optimumkan kebolehan pembelajaran kanak-kanak dalam sains, teknologi

Oleh : YUSNINA MOHAMAD YUSOF

Gambar : NURAFIQAH ZAINUDI

**GEORGE TOWN** – Usaha berterusan dalam membangunkan modal insan berpotensi terutamanya dalam bidang sains dan teknologi perlu dicungkil dalam mengoptimalkan kebolehan pembelajaran kanak-kanak.

Pakar psikologi yang juga Presiden Majlis Perkembangan Awal Kanak-Kanak (ECCE) Kebangsaan, Datuk Dr. Chiam Heng Keng berkata, pendidikan awal kanak-kanak yang betul dan berterusan bukan sahaja memberi manfaat kepada diri mereka sendiri, malah juga masa hadapan negara.

“Oleh itu, adalah penting untuk menyediakan golongan kanak-kanak ini dengan ilmu yang cukup serta menarik terutamanya dalam bidang-bidang kritikal seperti sains dan teknologi.

“(Dan) ia (pembangunan modal insan) perlu dilakukan secara holistik merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran dalam sains dan teknologi, keupayaan keusahawanan, memupuk sikap positif serta beretika melalui pembelajaran,” ucapnya pada Minggu ECCE Kebangsaan 2018 yang diadakan dekat Tech Dome Penang di sini baru-baru ini.

Serentak dengan penganjuran berkaitan, turut diadakan adalah program ‘Bringing out the Young Scientist in Children’ yang mana majlis perasmianya disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi, Prof. Dr. P. Ramasamy serta Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Mohd. Jamil Mohamed.

Mengulas berhubung program berkaitan, Ketua Pegawai Eksekutif Tech Dome Penang (TDP), Dr. Khong Yoon Long



DR. Abdul Rahman Abbas (empat dari kanan) menyaksikan gimik pelancaran Minggu ECCE Kebangsaan 2018 di sini baru-baru ini.

menyatakan bahawa selain forum dan bengkel, para peserta program juga berkesempatan menyaksikan persembahan khas kanak-kanak dari institusi pengajian Whytehouse Education.

“Malah, program pertukaran pelajar yang turut berlangsung adalah membabitkan 178 pelajar dari Thailand

dan tempatan (41).

“Pelajar-pelajar ini dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil dan mereka akan mengikuti program berteraskan STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik), kebudayaan serta keusahawanan,” jelasnya.

## Ketua Menteri terima kunjungan hormat Menteri Besar Kedah

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menerima kunjungan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dekat pejabatnya di sini 9 Oktober lalu.

Delegasi Mukhriz yang tiba di Komtar disambut Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Seri Farizan Darus bersama-sama barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pertemuan tertutup yang berlangsung selama satu setengah jam itu antara lain membincangkan mengenai hubungan dua hala antara Pulau Pinang dan Kedah.

Turut disentuh adalah isu berkaitan kawasan tadaan air dan pembalakan di Hutan Simpan Kekal (HSK) Ulu Muda dan cadangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) di Sidam Kiri, Daerah Kuala Muda, Kedah.

Sebagai rekod, pertemuan tersebut merupakan yang

pertama di antara kedua-dua pemimpin itu selepas Pilihan Raya Umum Ke-14.

Malah, ia juga menunjukkan komitmen tinggi daripada

kedua-dua pimpinan negeri untuk terus mengukuhkan lagi kerjasama sekaligus memberi manfaat untuk dinikmati baik Pulau Pinang maupun Kedah.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) berjabat tangan dengan Mukhriz Mahathir (kiri sekali) pada pertemuan sulung antara dua pihak di sini baru-baru ini.

# Kubah Masjid Terapung Tanjung Bungah siap dinaik taraf

Oleh : WATAWA NATAF ZULKILFI  
Gambar : JKR PULAU PINANG

**TANJUNG BUNGAH** - Kerja-kerja menaik taraf kubah Masjid Terapung Tanjung Bungah yang terletak di Jalan Batu Ferringhi siap dengan penjimatan kos sebanyak 18.8 peratus berbanding (kos) asal.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, kerja-kerja menaik taraf masjid tersebut siap sepenuhnya pada 12 September lalu dengan kos sebanyak RM684,777.54.

"Kos asal adalah RM843,071 ketika penawaran kontrak, namun setelah disiapkan, penjimatan sebanyak RM158,293.46 (atau 18.8 peratus)," ucapnya pada Majlis Penyerahan Projek Membalik dan Menaik Taraf Kubah Masjid Terapung Tanjung Bungah pada 18 Oktober lalu di sini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Zairil Khir Johari; Jurutera Daerah bagi Jabatan Kerja Raya (JKR) Timur Laut, Mimi Asmidar Zakaria dan Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan JHEAIPP, Mohd. Rizuan Rozi.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin



RUPA bentuk kubah Masjid Terapung Tanjung Bungah yang siap dinaik taraf.

yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat memberitahu bahawa projek yang telah disempurnakan itu kemudiannya diserahkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

"Masjid ini merupakan salah satu destinasi wajib dikunjungi bagi mereka

yang ingin ke Batu Ferringhi atau ke Teluk Bahang akibat lokasinya yang bukan sahaja strategik malah mudah di akses.

"Malah, ia juga boleh dianggap sebagai mercu tanda bagi negeri Pulau Pinang khasnya umat Islam di negeri ini," katanya.

Masjid yang siap dibina pada tahun 2007 itu, menurut Ahmad Zakiyuddin, tidak pernah melalui apa-apa proses menaik taraf

sebelum ini.

"Cuma pada tahun lalu (2017), kerja-kerja menaik taraf sistem kumbahan masjid dilakukan.

"Walau bagaimanapun, atas faktor kedudukannya di kawasan pantai, maka kerosakan-kerosakan kecil seperti masalah kebocoran di bahagian kubah tidak dapat dielakkan.

"Justeru, sebagai langkah awal untuk memastikan masalah bocor tidak memudaratkan bahagian-bahagian lain bangunan masjid, maka inisiatif membaiki serta menaik taraf bahagian-bahagian yang mengalami kerosakan diambil tindakan segera," jelasnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Dalam pada itu, Asmidar ketika ditemui memaklumkan bahawa antara skop-skop kerja projek berkaitan termasuk penukaran mozek bagi mengantikannya dengan sistem lapisan kalis air memandangkan sistem tersebut lebih praktikal serta ekonomikal.

"Pada masa sama, ia juga mampu mengekalkan keunikan warna pada semua tujuh kubah (satu kubah utama dan enam kubah kecil) sedia ada, pembaikan kebocoran pada gentian kaca asal serta menukar penapis haba cermin di menara masjid," jelasnya.

## Menteri hasrat tingkat pendapatan penternak, pengeluaran makanan negara

**SEBERANG JAYA** - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahuddin Ayub menyatakan bahawa pihaknya berhasrat meningkatkan lagi pendapatan serta taraf hidup golongan penternak, seterusnya mengubah tahap bidang usaha daripada tradisional kepada maksimum iaitu komersial.

"Pengenalan Pengembangan Veterinar semenjak dua dekad lalu telah berjaya mengubah wajah industri makanan negara.

"Program Pengembangan Veterinar merupakan suatu inovasi perkhidmatan berbentuk proaktif dan preventif yang diperkenalkan untuk menggalakkan komersialisasi bidang penternakan dan kemudiannya digarap sebagai 'pertanian adalah sumber rezeki',” ujarnya di sini 8 Oktober lalu.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Makan Malam Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, Mesyuarat Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Se-Malaysia 2018 Sempena Konvensyen Pengembangan dan Hari Inovasi.

Menurut Salahuddin, dalam tempoh lima tahun ini, Kementerian menyasarkan pengeluaran daging ruminan ditingkatkan daripada SSL 23.4 peratus bagi tahun 2017 kepada 30 peratus.

Dalam tempoh sama iaitu lima tahun, Salahuddin memberitahu, Kementeriannya turut menyasarkan peningkatan pengeluaran susu segar daripada 58 peratus kepada 100 peratus.

Justeru katanya, bagi tujuan itu, Kementerian memperkenal pelbagai insentif galakan seperti bantuan induk melalui Program PROPER; Insentif Integrasi; Insentif Pengecualian Cukai; Kemudahan Fasiliti Pinjaman dengan sokongan Kementerian; Sistem Peladangan Kontrak dan Program Sokongan Penggunaan PKC Dalam Negara.

Pada majlis sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut merakamkan penghargaan atas kepimpinan Salahuddin yang memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pendapatan golongan penternak serta pengeluaran makanan negara.

"Saya berharap semoga konvensyen veterinar dan program dilaksanakan kali ini dapat memberi idea-idea baru yang kreatif dan inovatif serta mendorong ke arah pembaharuan.

"Hanya dengan menerima dan mencetuskan perubahan sepanjang masa sahaja akan melahirkan sebuah jabatan yang dinamik serta mampu menjadi pemangkin kepada perubahan masyarakat keseluruhannya,” katanya.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Dr. Anum Man antara 400 tetamu pada majlis jamuan makan malam di sini.

## Pembinaan tiga jalan utama, kontraktor dilantik perlu patuhi 59 syarat EIA – Exco

**GEORGE TOWN** - Sebanyak 59 syarat yang termaktub di dalam Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) perlu dipatuhi kontraktor dilantik bagi pembinaan projek tiga jalan utama di negeri ini, kata Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari.

Tiga jalan berkenaan meliputi Jalan Berkembar Pesisiran Pantai Utara dari Tanjung Bungah – Teluk Bahang, Jalan Pintas Air Itam – Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Jalan Pintas Persiaran Gurney – Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

"Kelulusan EIA diperoleh pada 7 November 2017 mengikut Seksyen 34(A) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan di dalam kelulusan tersebut terkandung 59 syarat lazim yang perlu dipatuhi oleh kontraktor utama (dilantik).

"Syarat-syarat kelulusan adalah melibatkan perihal pematuhan, konsep, penyediaan pelan pengurusan alam sekitar sebelum pembinaan boleh dilaksanakan, kawalan kerja tanah, kawalan air larian, kawalan hakisan dan kelodakan, penstabilan cerun dan pematuhan kualiti air, udara, bunyi bising serta gegaran.

"Kawalan aktiviti letupan batu, pengurusan buangan dan buangan terjadual, pelaporan kemajuan projek, pematuhan dan kualiti alam sekitar, keperluan audit alam sekitar dan lain-lain hal pentadbiran juga termasuk di dalam syarat yang perlu dipatuhi pihak kontraktor," katanya pada sidang media di sini 5 Oktober lalu.

Hadir sama, Ketua Pasukan Yes Enviro Services Sdn. Bhd., Ir. Dr. Lee Aik Heng; Pengarah Eksekutif Kanan Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd., Datuk Lee Chee Hoe dan mantan Exco Kerajaan Negeri, Lim Hock Seng.

Zairil menjelaskan, selain kelulusan laporan EIA, kontraktor juga perlu mendapat kelulusan-kelulusan yang berkaitan di bawah bidang



ZAIRIL Khir Johari.

kuasa agensi teknikal berkaitan.

"Sekiranya kontraktor didapati melanggar mana-mana syarat kelulusan laporan EIA atau Jabatan Alam Sekitar sehingga mendapat terdapat isu pencemaran semasa pembinaan tiga jalan utama berkenaan, agensi-agensi berkaitan boleh mengambil tindakan untuk menghentikan projek sehingga berpuas hati terhadap langkah-langkah mitigasi atau baik pulih telah diambil.

"Selain itu juga, tindakan perundangan juga boleh dikenakan terhadap kontraktor terbabit yang gagal mematuhi garis panduan ditetapkan bersandarkan laporan EIA," tegasnya.

Dalam pada itu, Aik Heng yang mengetuai pasukan kajian laporan EIA menerangkan, Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimen (ESCP) akan digunakan bagi mencegah hakisan tanah tapak pembinaan daripada mengalir ke sungai, tasik atau laut.

"Pelan ini termasuk langkah-langkah untuk mencegah hakisan, memerangkap sedimen dan kawalan saliran,” jelasnya.

# Tapak pembuangan sisa haram kilang dikenal pasti

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA** – Kerajaan Negeri bertindak membersihkan kawasan tanah milik pihak berkaitan yang dipercayai dijadikan sebagai tapak pembuangan secara haram sisa kilang sejak beberapa tahun lalu.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, sisa tersebut telah dikenal pasti berasal dari sebuah kilang yang menjalankan perusahaan kitar semula tanpa lesen selain struktur bangunan yang dibina tidak mempunyai pelan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Walaupun Kerajaan Negeri menggalakkan amalan 3R (*Reuse, Reduce, Recycle*), tetapi ia haruslah dibuat secara sah atau dengan kebenaran PBT selain menjaga kebersihan alam sekitar.

“Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) menjalankan operasi untuk membersihkan sisa yang dibuang secara haram di atas tanah milik kerajaan, dan PBT (MPSP) pula memberi notis amaran supaya pihak berkaitan menghentikan perusahaan mereka dengan kadar segera atau berdepan tindakan kompaun maksimum RM500,000,” katanya pada sidang media sejurus operasi di tapak berkaitan di sini 16 Oktober lalu.

Operasi berkenaan turut disertai pihak



PHEE Boon Poh.

Jabatan Alam Sekitar (JAS); Pegawai Penguatkuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tambah Boon Poh, kilang tersebut dipercayai bukan sahaja membuang sisa yang tidak dikitar semula secara haram, malah turut melakukan pembakaran secara terbuka sehingga mendatangkan ancaman bahaya kepada pengguna jalan raya di kawasan berkaitan.

“Pihak berkaitan dipercayai mengambil barang yang mahu dikitar semula termasuk plastik diimport, dan membuang apa yang mereka tidak perlukan di tanah Kerajaan Negeri serta membakarnya.

“Memandangkan lokasi ini terletak bersebelahan jalan raya, kita (Kerajaan

PROSES pembersihan sedang dijalankan.



Negeri) terima banyak aduan daripada penduduk berhubung asap tebal yang berhasil daripada aktiviti pembakaran sehingga menyebabkan halangan lalu lintas dan penduduk berdekatan juga mengalami masalah kesukaran untuk bernaafas,” ujarnya.

Difahamkan, pihak terbabit juga diarahkan supaya meruntuhkan struktur dan bangunan sedia ada kerana ia dibangunkan secara tidak sah.

“Kita telah mengenal pasti operator berkenaan dan menasihati mereka (operator berwajib) supaya menghentikan segera aktiviti mereka serta merobohkan struktur sedia ada kerana ia didirikan secara haram.

“(Dan) sekiranya operator berkenaan gagal mematuhi arahan, maka pihak berkuasa MPSP akan mengeluarkan satu lagi notis dan mengheret mereka (operator berwajib) ke mahkamah,” tegasnya.

## Lebih 110 usahawan terima manfaat TUT

**SEBERANG JAYA** – Sejak diperkenalkan Kerajaan Negeri pada tahun 2014, Tabung Usahawan Tani (TUT) yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda telah berjaya memanfaatkan lebih 110 usahawan tempatan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, program pinjaman mikro kredit berkenaan adalah salah satu usaha dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam memberi galakan kepada para pengusaha untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya serta punca pendapatan.

“TUT menyediakan pinjaman tanpa faedah dengan jumlah maksimum RM6,000 kepada usahawan muda berumur bawah 40 tahun, dan 60 tahun ke bawah (RM5,000) dalam sektor pertanian, perternakan serta perikanan.

“Kerajaan Negeri juga kini dalam usaha meningkatkan jumlah bantuan pinjaman daripada RM5,000 kepada RM10,000, RM15,000 dan RM20,000 kerana saya yakin industri asas tani kini merupakan salah satu sektor yang sedang berkembang pesat serta memerlukan modal yang tinggi,” jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam penganjuran Karnival Industri Asas Tani anjuran Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia (LKIM) di sini 6 Oktober 2018.

Turut hadir, Pengarah LKIM, Rashid Nik Jusoh; Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Asas Tani LKIM Ibu Pejabat, Rahayu Che Rahlim dan Pengarah Pertanian Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Rozaidi Abdul Rahman.

Tambah Afif, Kerajaan Negeri menggalakkan usahawan di negeri ini terutamanya yang berkaitan dengan bidang pertanian untuk mendapatkan pinjaman TUT bagi menambah modal atau meluaskan lagi produktiviti sedia ada.

“Usahawan-usahawan muda boleh gunakan TUT untuk kembangkan perniagaan seterusnya mendapatkan geran lebih besar yang disediakan agensi-agensi Persekutuan seperti TEKUN Nasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Corp., Agro Bank dan lain-lain,” katanya dalam sidang media pada majlis berkaitan.

Mengulas lanjut, Afif menjelaskan bahawa tujuan penganjuran karnival berkaitan adalah untuk mempromosi dan menjual hasil terkini yang dikeluarkan oleh para usahawan.

Pada karnival itu juga, seramai 28 nelayan yang ditimpa musibah baru-baru ini menerima Bantuan Bencana Nelayan serta sumbangan khairat kematian dengan kos keseluruhan berjumlah RM30,000.

## Pameran industri automotif, manifestasi masyarakat setempat majukan bidang permotoran

**PINANG TUNGGAL** – Penganjuran Pameran Industri Automotif Pulau Pinang 2018 yang berlangsung pada 6 dan 7 Oktober baru-baru ini mencerminkan manifestasi kejayaan masyarakat setempat dalam memajukan bidang permotoran di negeri ini, kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Program tersebut dianjurkan secara bersama-sama Pejabat Timbalan Ketua Menteri I; pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), Sahabat Permotoran Pulau Pinang, Kelab Sukan Permotoran Pulau Pinang serta GM Event Management.

Inisiatif penganjuran program berkaitan wajar dipuji kerana dilihat telah menarik kehadiran pengunjung yang bukan sahaja terdiri daripada golongan remaja, malah segenap lapisan masyarakat yang mempunyai minat dalam bidang permotoran.

“Ia (pameran) sekaligus membolehkan masyarakat terutamanya golongan belia mengisi masa lapang mereka dengan melakukan aktiviti lebih berfaedah.

“Oleh itu, saya berharap agar aktiviti seperti ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa,” ujarnya yang merupakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat pada penganjuran berkaitan.



IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN (KANAN SEKALI) MENELITI SALAH SEBUAH KERETA YANG DIPAMERAKAN BERSEMPENA PENGANJURAN PAMERAN INDUSTRI AUTOMOTIF PULAU PINANG 2018 DI SINI BARU-BARU INI.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin turut menzhirkan harapan agar penganjuran program tersebut dapat dijadikan sebagai acara tahunan di bawah portfolio Pembangunan Industri kerana ia selari dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk merealisasikan agenda Penang2030.

“Diharapkan penganjuran akan datang akan melibatkan lebih banyak agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan), PUSPAKOM, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan lain-lain,” serunya.

# Tubuh institusi pengajian teknikal awam sejajar perkembangan industri semasa

Oleh : **YUSNINA MOHAMAD YUSOF & AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ALVIE CHENG**

**BAYAN LEPAS** – Pusat latihan kemahiran industri pertama dalam negara, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) berhasrat menubuhkan sebuah institusi pengajian teknikal awam di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PSDC, Muhammed Ali Hajah Mydin berkata, cadangan penubuhan itu adalah sejajar dengan perkembangan industri semasa.

“Buat masa ini, kami (PSDC) sedang menyediakan proposal untuk dibentangkan kepada Ketua Menteri dan sekiranya boleh dipertimbangkan, maka saya amat berharap ia (proposal) dapat dimajukan kepada perhatian Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam tempoh dua bulan ini,” katanya sejurus majlis perasmian International Microwave, Electron Devices and Solid-State Circuit Symposium (IMESS) 2018 di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian berkaitan disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Hadir sama, Pengurus IEE ED/MTT/SSC Penang Joint Chapter, Dr. Jagadheswaran Rajendran.

Menurut Muhammed Ali, selain menjana kemajuan dalam sektor pembuatan di negeri ini, penubuhan institusi pengajian teknikal itu juga mampu melahirkan modal insan berkelulusan teknikal.

“Seperti yang kita tahu industri di sini (Bayan Lepas) sudah bermula sejak tahun 1970 dan sekarang 2018. Ini bermakna sudah 48 tahun, akan tetapi tiada satupun institusi pengajian teknikal yang wujud di sini.

“Sebagai sebuah negeri yang dikenali dengan jolokan ‘Lembah Silikon di Timur’, institusi pengajian teknikal adalah amat diperlukan seperti Lembah Silikon di San Jose, California (Amerika Syarikat).

“(Dan) Pulau Pinang boleh menjadi negeri pertama di Malaysia yang mewujudkan institusi pengajian teknikal ini,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Muhammed



**SALAH** seorang peserta menerangkan hasil ciptaanannya kepada Ketua Menteri pada Majlis Perasmian IMESS 2018 di sini baru-baru ini.

Ali menyatakan bahawa institusi pengajian teknikal tersebut bukan sebuah institusi pengajian swasta sebaliknya perlu diangkat sebagai institusi pengajian awam.

Apabila ditanya cadangan

yang kosong dan ia boleh dijadikan sebagai kampus.

“Mungkin, satu kampus memfokuskan dalam penyelidikan dan satu kampus lain memberi tumpuan terhadap perkakasan elektrik dan elektronik, jadi secara teknikal ia boleh dinamakan sebagai ‘Universiti Teknikal Pulau Pinang,’” responsnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow kagum dengan pendekatan holistik yang dibentangkan dalam simposium berkaitan.

“Kita tidak seharusnya berada pada satu tahap statik dan menggunakan pengetahuan lama atau kaedah lama untuk menyelesaikan masalah baharu yang lebih kompleks.

“Sebaliknya, kita perlu bergerak seiring dengan perkembangan semasa dan mencari penyelesaian bijak melalui pelbagai kaedah terkini.

“(Dan) kita perlu fahami bahawa Internet of Things (IoT), Artificial Intelligence (AI) dan Teknologi Komunikasi Generasi Kelima (5G) semuanya berhubung kait antara satu sama lain,” ucapnya.

## Kerajaan sasar tingkat kapasiti SSL daging, susu

**SEBERANG JAYA** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyasarkan untuk meningkatkan tahap kecukupan diri (SSL) bagi daging ruminan daripada 24.4 peratus bagi tahun 2017 kepada 30 peratus, begitu juga dengan pengeluaran susu segar daripada 58 peratus kepada 100 peratus.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Pengembangan Dan Hari Inovasi 2018 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia di sini 9 Oktober 2018.

Demi menggalakkan aktiviti pembiakan, menurutnya, kaedah penternakan integrasi akan dipergiat melalui peningkatan kawasan ragutan sawit sedia ada seluas 740,646 hektar kepada 1.45 juta hektar, yang mampu menampung kawasan ragutan kepada 227,708 induk dengan kemampuan peningkatan penghasilan daging dijangkakan sehingga 28,463 tan metrik setahun.

“Sudah 60 tahun kita (tanah air) merdeka, (daging) lembu kita tak cukup, (daging) kambing kita tak cukup...cabaran kita adalah (meningkatkan kapasiti SSL) daging dan susu.

“Jabatan Veterinar boleh berjaya, jika kita bawa aspirasi ini (iaitu tumpuan meningkatkan SSL daging ruminan dan susu),” jelas Salahuddin pada majlis berkaitan.

Tambah beliau, Jabatan Veterinar juga mesti memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pengeluaran susu, menerusi beberapa pendekatan demi menambah upaya industri secara terancang.

Sebelum itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam membentangkan pencapaian serta hala tuju jabatan dalam tempoh lima tahun ini.

Beliau memberitahu bahawa pihaknya yakin dalam tempoh lima tahun ini, pengeluaran susu



**SALAHUDDIN** Ayub (barisan depan, dua dari kanan) mengadakan lawatan ke beberapa gerai pada penganjuran Konvensyen Pengembangan Dan Hari Inovasi 2018 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia di sini baru-baru ini.

segar yang ketika ini kira-kira 58 peratus, dapat ditingkatkan kepada 100 peratus.

Menerusi Program Rintis, menurut Quaza Nizamuddin, zon penternakan tenusu dilaksanakan seperti Lembah Tenusu Muadzam meliputi kawasan Pekan, Segamat dan Bandar Muadzam; Lembah Tenusu Johor (Kluang, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Johor Bahru); Lembah Tenusu Utara (Sungai Siput, Pondok Tanjong, Pulau Pinang dan Kedah); Lembah Tenusu Sabah (Tenom, Keningau, Ranau, Kota Marudu dan Kudat) serta Lembah Tenusu Sarawak (Kuching dan Serian).

“Yang penting, di peringkat kita (Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia) jua sedang membuat pengurusan program pengembangan ini,” ujar beliau.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut serta majlis perasmian tersebut.

## ‘Pinangjaya’ nama baru bandar satelit Batu Kawan belum dimuktamadkan - PDC

**BUKIT TAMBUN** - Waktu Lim Guan Eng menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang dahulu, pernah ada cadangan untuk menjenamakan Bandar Cassia, Batu Kawan serta kawasan perindustrian di sekitar koridor pembangunan berfasa itu sebagai ‘Pinangjaya’, tetapi sehingga kini belum dimuktamadkan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Demikian kata Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato’ Rosli Jaafar dalam Taklimat Tertutup Mengenai Perancangan Fizikal dan Pembangunan Tanah PDC seluruh negeri kepada rombongan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dekat Galeri Jualan Rumah PDC di sini 11 Oktober 2018.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul

Rahman; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebakan Banjir, Zairil Khir Johari; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Seri Farizan Darus; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud dan beberapa lagi pegawai kerajaan.

Selepas taklimat tertutup itu, PDC membawa rombongan kerja Kon Yeow melawat tapak pemajuan industri, kawasan perumahan awam, lot komersial, projek landskap, kawasan peranginan pantai dan lain-lain.

Sepanjang lawatan kerja sehari rombongan Kon Yeow itu, Rosli menjelaskan satu-persatu perancangan fizikal serta pembangunan tanah milik PDC di seluruh negeri ini, terutama di bandar satelit Batu Kawan yang dianggap mercu tanda pembangunan masa depan Pulau Pinang.

**GUDANG IKEA** yang kini dalam proses pembinaan di Batu Kawan.



# Kerajaan Negeri tubuh jawatankuasa siasatan khas insiden Bukit Kukus, umum KM

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB  
Gambar : WATAWA NATAF ZULKIFLI

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengumumkan penubuhan jawatankuasa siasatan khas insiden runtuhan lereng dekat tapak projek pembinaan jalan raya berkembar Paya Terubong di Bukit Kukus yang terjadi pada 19 Oktober lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang akan mengetuai jawatankuasa tersebut, turut dianggotai Zairil Khir Johari (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir), seorang jurutera dari Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) serta menjemput wakil Institut Jurutera Malaysia (IEM) Cawangan Negeri Pulau Pinang.

“Keputusan ini dibuat kerana pihak berwajib iaitu polis (Polis Diraja Malaysia) dan Bomba (Jabatan Bomba dan Penyelamat) telahpun melakukan kerja-kerja pencarian dan menyelamat sejak berlakunya kejadian pada hari Jumaat lalu sehingga 5.30 petang, 23 Oktober 2018.

“Kita (Kerajaan Negeri) harap jawatankuasa siasatan khas ini dapat memulakan kerja dalam sedikit masa lagi dan menghabiskan kerja-kerja (siasatan) ini dalam tempoh yang sesuai.

“(Tugasan jawatankuasa siasatan khas Kerajaan Negeri) ini adalah tambahan kepada siasatan yang sedang dan akan dilakukan oleh pihak-pihak berwajib,” jelasnya dalam sidang media di sini 24 Oktober 2018.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa penubuhan jawatankuasa siasatan khas itu adalah keputusan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri pada tarikh sama (24 Oktober 2018).

Tambah beliau, Mesyuarat Exco turut menerima laporan awal secara bertulis berhubung kejadian tersebut, daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri.

“Daripada laporan awal yang kita terima, ada unsur-unsur ketidakpatuhan pada kaedah perjalanan projek di tapak berkenaan,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dan Ahli Parlimen Tanjong.

Menjawab soalan pemberita, Kon Yeow menjelaskan bahawa tugas jawatankuasa siasatan khas berkaitan tidak



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di lokasi kejadian dekat Bukit Kukus, Paya Terubong pada 19 Oktober lalu.

akan mengganggu proses siasatan atau pelaksanaan perintah henti pembangunan (SWO) yang telahpun dijalankan oleh agensi-agensi berwajib lain.

“DOSH (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) dan CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia) adalah agensi (kerajaan) berwajib yang menentukan tahap keselamatan projek-projek pembinaan.

“Dan, jawatankuasa (khas) siasatan ini tidak akan menjelaskan apa yang berlaku (dan dilaksanakan) oleh CIDB dan DOSH.

“Seperti yang telah saya katakan, mereka (DOSH dan CIDB) akan meneruskan kerja-kerja siasatan dan ambil keputusan-keputusan sewajarnya, yang akan menentukan bila projek (jalan raya berkembar Paya Terubong) ini boleh diteruskan.

“Manakala, jawatankuasa siasatan khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk melihat apa-apa kelemahan, apa sebab ianya (kejadian tanah runtuh) berlaku,” katanya sambil memberitahu bahawa hasil siasatan dan laporan DOSH serta CIDB turut akan diambil maklum oleh jawatankuasa siasatan khas ini.

Respons beliau lagi, wakil daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak akan menyertai jawatankuasa siasatan khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, memandangkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu adalah pihak berkepentingan dalam projek pembinaan jalan raya berkembar Paya Terubong.

Kon Yeow sekali lagi menjelaskan bahawa kejadian yang berlaku kira-kira 2.30 petang 19 Oktober lalu terjadi ketika SWO sedang dilaksanakan.

## Martin Yan iktiraf Pulau Pinang ‘syurga makanan jalanan’ dunia bertaraf ‘Bintang Michelin’

**BAYAN LEPAS** - Martin Yan, personaliti televisyen terkenal, maestro masakan dan duta budaya di Asia baru-baru ini mengiktiraf Pulau Pinang sebagai syurga makanan jalanan dunia.

Beliau yang merupakan seorang bintang dalam *Asian Food Channel* (AFC) memuji tukang-tukang masak di Pulau Pinang yang secara konsisten mengekalkan gaya masakan jalanan berdekad lamanya.

“Tukang-tukang masak jalanan di Pulau Pinang masih mengekalkan ciri-ciri ‘jalanan’ dalam penyediaan masakan mereka, dan itu adalah baik kerana hanya mereka yang memasak dengan sepenuh hati serta minat dapat menghasilkan makanan (jalanan) yang lazat.

“(Dan) saya bersetuju sepenuhnya Pulau Pinang dilabel sebagai ‘syurga makanan jalanan’ di dunia,” katanya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir pada Majlis Penutupan Battle of the Chef 2018 di sini baru-baru ini.

Menurut Yan, makanan jalanan sangat unik kerana pelanggan boleh

melihat sendiri sajian-sajian berkenaan disediakan di hadapan mereka serta boleh menikmatinya segera.

“Oleh kerana makanan tersebut disediakan di jalanan, ia dikenali sebagai makanan jalanan, tetapi sekiranya disediakan di restoran mahupun di hotel-hotel, ia boleh menjadi makanan bertaraf ‘Bintang Michelin’,” katanya yang diterangkan jauh dari San Francisco.

Dalam pada itu, Kon Yeow berharap Persatuan Jurumasak Pulau Pinang (PCA) dapat mempelajari teknik-teknik penyediaan makanan daripada Yan yang juga merupakan seorang *Master Chef*.

“Seni kulinari inilah yang akan melonjakkan lagi nama Pulau Pinang di mata dunia sama ada melalui penyediaan makanan jalanan mahupun pelancongan berdasarkan makanan.

“(Dan) Kerajaan Negeri melalui visinya, Pulau Pinang 2030 muhi melihat jalinan kerjasama pelbagai sektor termasuk sektor kulinari,” ujarnya yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan memasak yang memasuki edisi ke-17 itu.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan *Battle of the Chef* 2018 tidak melepaskan peluang bergambar kenangan bersama-sama dif-dif jemputan pada majlis penutupan di sini baru-baru ini.

# Pemenang Peraduan Mewarna, Melukis Poster dimuktamad

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

**GEORGE TOWN** – Seramai 13 pemenang Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2018 serta tiga pemenang Pertandingan Melukis Poster ‘Saya Anak Malaysia’ anjuran Buletin Mutiara telah dimuktamadkan.

Kedua-dua penganjuran yang berlangsung dari 1 Julai hingga 30 September 2018 menerima penyertaan memberangsangkan iaitu 2,000 bagi pertandingan mewarna dan melukis poster (1,000).

Jawatankuasa Juri Pemilihan bagi kedua-dua pertandingan tersebut adalah terdiri daripada Setiausaha Sulit Kepada Ketua Menteri, Lai Hon Meng, S. Tharchayeni (Pegawai Khas Kepada Ketua Menteri) dan Wan Afifah Wan Mohamad (Penolong Setiausaha Kanan Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri).

Ketiga-tiga juri berpendapat bahawa penyertaan diterima mengekspresikan karya, lukisan dan warna yang cantik serta unik sehingga menyukarkan mereka membuat pemilihan pemenang.

Para pemenang bagi Bakat Si Cilik Mewarna 1/2018 berpeluang membawa pulang hadiah wang tunai RM250 bagi tempat pertama, RM150 (kedua), RM100 (ketiga) dan 10 hadiah saguhati.

Manakala, bagi Pertandingan Melukis Poster ‘Saya Anak Malaysia’, RM500 ditawarkan kepada pemenang pertama, RM300 (kedua) dan RM200 (ketiga).

Keputusan para juri adalah muktamad dan para pemenang akan dihubungi pihak pengajur dalam tempoh terdekat.



SEBAHAGIAN lukisan poster yang diterima.



(Dari kiri), S. Tharchayeni, Lai Hon Meng dan Wan Afifah Wan Mohamad meneliti beberapa karya yang berjaya memasuki peringkat akhir peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2018 di sini baru-baru ini.

Senarai Nama Pemenang Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2018			
NURUL FARHANA BT ROMZI	070826-07-****	CHEW WAN YI	940329-07-****
CEDRIC PANG ZHENG KAI	080326-07-****	CH'NG CHIEW HUI	861226-35-****
ANG XIN THONG	110704-07-****	ONO YI LIN	031025-07-****
LEE SIN XUAN	070912-07-****		
GRACELYN LOH YEE THING	060814-07-****		
CHEW YU QI	080701-07-****		
ANG KOK MIAO	080703-07-****		
AIFAA AUDI DHAIFINA BT MOHD HAFFESZA	081216-08-****		
NOOR QHALISA QISTINA BT NOOR AZLEE	081008-07-****		
AHMAD FAWWAZ BIN AHMAD FAKHRUL RADHI	120311-02-****		
BAVATARANY A/P THIRUNAVUKARASAN	111024-07-****		
NURUL AIN HAZIRAH BT ARMAN	080609-07-****		
KISHORE A/L BUBALAN	100603-07-****		



## Bakat tempatan diseru timba pengalaman kejohanan robot sumo ala Jepun

**PINANG TUNGGAL** – Firma korporat Fujisoft Inc. (FSI) di Jepun sejak tahun 1989 lagi mengajukan Kejohanan Robot Sumo dengan penyertaan lebih 30 negara, sebelum negara jolokan matahari terbit itu dikenali sebagai salah satu pemacu industri robotik dunia.

Mengambil inspirasi itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berharap edisi sulung Kejohanan Robot Sumo Antarabangsa Malaysia 2018 dapat melonjak lagi minat serta bakat anak tempatan terutama dari Pulau Pinang dalam bidang penyelidikan serta penciptaan robotik bertaraf dunia.

“Kejohanan ini diharap dapat menanam minat kalangan generasi muda dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, matematik, dan pada masa sama menjana kreativiti, inovasi serta daya saing mereka dalam era Revolusi Perindustrian 4.0, seterusnya mendedahkan



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (barisan kedua, tengah) bergambar kenangan bersama-sama para peserta dan wakil-wakil pengajur bersempena penganjuran Kejohanan Robot Sumo Antarabangsa Malaysia 2018 di sini baru-baru ini.

pasukan robotik Malaysia ke kejohanan peringkat antarabangsa kelak.

“Selain itu, saya harap semua pasukan akan lebih terinspirasi, terpesona dalam bidang teknologi dan mendapatkan motivasi penyelidikan luas,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal

ketika merasmikan acara kejohanan tersebut dekat Mid Town Kubang Menerong di sini 7 Oktober 2018.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat turut merakamkan penghargaan kepada semua

pihak berkepentingan iaitu Perda Ventures, Persatuan iRobotik Pulau Pinang, Cytron Technologies, Sumozade Robotics dan M Republic Supply atas kejayaan menganjur serta menaja kejohanan tersebut, yang buat julung kali dilangsungkan di tanah air ini.

“Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) gembira apabila diberitahu bahawa kejohanan ini mendapat penyertaan daripada negara jiran seperti Indonesia dan Thailand juga.

“Juara Robot Sumo Automotif 3 kilogram (Kg) dan kawalan jauh 3kg Robot Sumo (bagi kejohanan ini) layak bertanding dalam FSI Robot Sumo Antarabangsa yang akan diadakan di Stadium Sumo Ryogoku Kokugikan dekat negara Jepun pada 13 hingga 16 Disember 2018,” jelasnya lagi sambil merakam ucapan tahniah kepada semua peserta kejohanan itu.

## Pulau Pinang masih perlukan ‘perhatian’ Persekutuan – KM

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

**PULAU TIKUS** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow akan terus memastikan Pulau Pinang mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan khususnya dalam projek pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi.

Beliau berkata, meskipun Pulau Pinang kini dianggap sebagai sebuah negeri maju kerana sumber kewangannya, namun perhatian Kerajaan Persekutuan masih diperlukan.

“Dalam beberapa mesyuarat peringkat Persekutuan yang saya hadiri baru-baru ini, kebanyakan mereka (di peringkat Kerajaan Persekutuan) menganggap kedudukan Pulau Pinang sebagai negeri maju.

“Oleh kerana kekangan kewangan yang dihadapi negara kini seperti dimaklumkan oleh Menteri Kewangan, maka (Kerajaan Persekutuan) tidak dapat memberi bantuan (kepada Pulau Pinang) sepertimana bantuan kepada negeri-negeri lain yang kurang maju.

“(Dan) saya terimanya dengan positif, mungkin kita (Pulau Pinang) maju sedikit berbanding negeri-negeri lain, namun, saya akan terus memperjuangkan hak negeri ini.

“Terutamanya dalam projek-projek pembangunan infrastruktur, sekolah-sekolah di negeri ini, kemudahan awam, pembangunan industri dan sosioekonomi ‘Untuk Negeri Kita,’” ucapnya pada Majlis Pembukaan Pusat Khidmat Parlimentar Bukit Bendera di No. 14, Jalan Evergreen 5 dekat Jalan Mount Erskine di sini 20 Oktober lalu.

Turut berucap, Menteri Kewangan merangkap Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan, Lim Guan Eng.

Dalam majlis tersebut, Kon Yeow yang juga Pengurus DAP Pulau Pinang turut menzahirkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Ahli Parlimentar Bukit Bendera, Wong Hon Wai.

Difahamkan, ia merupakan pusat khidmat kedua bagi Parlimentar Bukit Bendera.

“Pusat khidmat ini penting kerana ia menjadi perantaraan yang membolehkan rakyat berhubung dengan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi Persekutuan dan negeri serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

“(Dan) kami memandang serius pembukaan pusat khidmat kerana ia menjadi tempat untuk kita mengukuhkan organisasi melalui mesyuarat serta perjumpaan yang diadakan di sini (pusat khidmat),” katanya yang berharap dengan adanya pusat khidmat maka suara rakyat dapat didengari.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga yang juga Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebakan Banjir, Zairil Khir Johari; ADUN Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit dan ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen.

Terletak di kawasan berpenghuni tinggi dengan kapadatan mencecah lebih 10,000 penduduk, Pusat Khidmat Parlimentar Bukit Bendera tersebut beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat bermula 9 pagi sehingga 5 petang dan rehat antara jam 1 hingga 2 petang.

Manakala pada hari Sabtu, beroperasi bermula jam 9 pagi hingga 12 tengah hari dan tutup pada hari Ahad serta cuti umum.

# Kerajaan Negeri, UN-Habitat meterai MoU demi tingkat daya huni manusia di Pulau Pinang

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB  
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**GEORGE TOWN** - Dua agensi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada 6 Oktober lalu menandatangani perjanjian persefahaman dengan Program Penempatan Semula Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat).

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, MoU ditandatangani Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Perbadanan Pembangunan dan Pemeliharaan George Town (GTCDC) adalah simbol komitmen Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan pelan tindakan Agenda Perbandaran Baharu (NUA).

Lagipun menurutnya, kerjasama strategik dengan UN-Habitat itu adalah selari dengan wawasan pembangunan negeri dalam tempoh 12 tahun sehingga 2030 nanti, yang dikenali sebagai *Penang2030*.

“MoU seumpama ini merupakan yang pertama kali dimeterai antara Kerajaan Negeri di Malaysia dan UN-Habitat.

“Selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencapai wawasan pembangunan pada tahun 2030, iaitu untuk mengubah Pulau Pinang menjadi ‘Negeri Hijau, Bandar Pintar Yang Memberi Tumpuan Pada Aspek Kekeluargaan’, kedua-dua belah pihak bersetuju untuk saling bekerjasama.

“Kerjasama ini kerana kedua-dua belah pihak saling berkongsi objektif yang sama iaitu meningkatkan daya huni penduduk, naik taraf ekonomi (rakyat) serta memperkuuh (sistem) komuniti,” ujar beliau dalam sidang media di sini 6 Oktober lalu.

Pemeterian MoU itu adalah membabitkan Pengarah Eksekutif UN-Habitat, Dato’ Maimunah Mohd. Sharif, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang dan Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Barathi.

Turut menyaksikan majlis bersejarah itu adalah wakil daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta firma korporat Think City Sdn. Bhd..



**KETUA MENTERI DAN MAIMUNAH MOHD. SHARIF (DUA DARI KANAN)** BERJABAT TANGAN SELEPAS SELESAI MAJLIS MENANDATANGANI MOU DI SINI BARU-BARU INI.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa pentadbirannya menyediakan dana awal sejumlah 250,000 Dolar Amerika Syarikat (USD) untuk tujuan kajian serta kerja-kerja berkaitan demi mencapai objektif SDG.

Bercakap pada sidang media sama, Maimunah merakamkan penghargaan atas komitmen yang ditunjukkan oleh pentadbiran Kon Yeow, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung.

“(Usaha) ini sangat penting untuk merumuskan dasar bersepdua serta holistik yang diperlukan, demi mencapai matlamat pembangunan mampan di peringkat negeri, (peringkat) tempatan dan (peringkat) kebangsaan.

“Apabila kita bekerja di peringkat bandar, adalah penting untuk kita memasukkan manusia, lokasi dan keadaan bandar untuk memastikan tiada sesiapa dan tiada tempat tinggal diabaikan,” jelas Maimunah yang juga bekas Datuk Bandar MBPP.

## FAMA Fest Pulau Pinang bantu luaskan pasaran produk tempatan

**BATU UBAN** - Sebagai agensi peneraju utama pemasaran hasil pertanian negara, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sentiasa berusaha mentransformasikan sektor pertanian ke arah lebih moden, dinamik dan berdaya saing.

Salah satu inisiatifnya adalah penganjuran program Fama Fest Pulau Pinang 2018 yang bertujuan membantu golongan usahawan serta petani memperluaskan pemasaran produk tempatan.

Pengarah FAMA Pulau Pinang, Habibah Sulaiman berkata, penganjuran berkaitan membolehkan usahawan serta petani tempatan mendapat peluang pasaran atau ‘engagement’ dengan ejen-ejen dari dalam dan luar negeri.

“Golongan usahawan serta petani bukan sahaja dapat menjual dan memasarkan produk mereka, malah turut memperoleh pendedahan serta tawaran menarik daripada pihak-pihak berkepentingan.

“Di samping itu, program sebegini tidak hanya tertumpu kepada usaha membantu usahawan semata-mata, malah orang ramai terutamanya yang berminat di dalam sektor pertanian dan perniagaan boleh mendapatkan informasi serta bimbingan,” ujarnya pada Majlis Perasmian Fama Fest Pulau Pinang 2018 di sini baru-baru ini.

Hadir merasmikan majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan.

Pengarah Kanan Bahagian Galakan Pasaran Dalam Negara dan Pasaran Atas Talian FAMA, Mohamad Mustapha Awang serta Pengurus Kompleks Bukit Jambul, Datuk Jugal Kishor Shivlal hadir sama.

Sebanyak 45 gerai jualan dan lima kendara saji mengambil bahagian pada program yang berlangsung selama empat hari bermula 4 hingga 7 Oktober lalu di perkarangan Kompleks Bukit Jambul di sini.

Difahamkan, Fama Fest Pulau Pinang 2018 merupakan program kedua dianjurkan selepas Fama Fest Perak yang diadakan di Gopeng, Julai lalu.

Dalam pada itu, Kumaresan dalam ucapannya menyatakan bahawa beliau percaya dengan kemudahan teknologi baharu dan tunjuk ajar serta bimbingan daripada pihak FAMA, usahawan-usahawan tempatan mampu mengeluarkan produk dan hasil yang lebih berkualiti.

“Kemudahan teknologi, bimbingan wajar dan pelbagai pemberian insentif serta geran yang disediakan mampu menggalakkan perkhidmatan dan pengeluaran produk serta hasil pertanian yang lebih baik yang bukan sahaja boleh dipasarkan di dalam negara malah sehingga ke peringkat global dan antarabangsa.

“Untuk mereka di luar sana, terutamanya anak-anak muda yang meminati bidang perniagaan ataupun pertanian, saya seru rebutlah peluang ini, dapatkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar daripada pihak FAMA,” ujarnya.

Pada majlis itu, turut berlangsung penyampaian insentif kepada usahawan bimbingan FAMA Pulau Pinang dalam kategori Agro Bazaar Kedai Rakyat, Gerai Buah-buahan Segar dan Gerai In-Kind Contribution (IKC) FAMA mengikut daerah.



A. Kumaresan (berkemeja putih) sambil ditemani Habibah Sulaiman (bertudung biru) mengunjungi salah sebuah gerai pameran pada penganjuran Fama Fest Pulau Pinang 2018 di sini baru-baru ini.



## PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

### Mulai 1 Oktober 2018 hingga 31 Disember 2018

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Unit Pinjaman Penuntut, Seksyen Kewangan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 29, KOMTAR  
10503 PULAU PINANG  
Tel : 04-6505165/5391/5541/5599/5627  
Faks : 04-2613453

# PDC, CIDB meterai MoU demi tingkat kualiti keselamatan industri pembinaan Negeri

**GEORGE TOWN** - Agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama-sama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) demi meningkatkan lagi tahap kualiti, keselamatan dan kesihatan dalam industri pembinaan di sini.

Menerusi MoU tersebut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, PDC akan melaksanakan Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC).

"QLASSIC merupakan satu kaedah untuk mengukur kualiti kerja pembinaan berdasarkan standard yang diluluskan.

"Saya difahamkan CIDB amat komited bagi menjayakan pelaksanaan QLASSIC melalui program kursus kesedaran, kursus latihan penilaian dan penilaian pengetahuan QLASSIC.

"Kursus dan latihan ini amat diperlukan untuk memberi kefahaman dan kemahiran kepada pegawai-pegawai teknikal PDC (iaitu) jurutera supaya dapat melaksanakan projek-projek PDC sedia ada dan masa depan berdasarkan QLASSIC," jelasnya sebelum menyaksikan majlis tandatangan MoU berkenaan di sini pada 24 Oktober 2018.

Menurut Kon Yeow, PDC juga sedang bekerjasama dengan CIDB dalam pelaksanaan Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Dalam Pembinaan (SHASSIC), iaitu kaedah untuk menilai prestasi keselamatan serta kesihatan kontraktor dalam satu-satu projek atau kerja pembinaan.



KETUA MENTERI menyaksikan pertukaran dokumen pada Majlis Menandatangani MoU antara PDC dengan CIDB di sini baru-baru ini.

Dengan sokongan CIDB, beliau memberitahu bahawa PDC melaksanakan QLASSIC dalam projek Perumahan Mampu Milik Suria 1 Bandar Cassia dekat Batu Kawan, dan berjaya mendapat skor markah yang baik iaitu 74 peratus.

Selain Kon Yeow, turut berucap ialah Pengurus Besar Kanan Sektor Pembangunan Teknologi CIDB Malaysia, Datuk Ir. Elias Ismail.

Elias mewakili CIDB dalam majlis tandatangan MoU, sementara PDC diwakili Pengurus Besarnya, Datuk Rosli Jaafar.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus merupakan antara pemimpin Kerajaan Negeri yang menyaksikan majlis tandatangan MoU antara dua pihak terbabit.

## Kadet St. John Ambulans selamat mangsa serangan jantung terima pengiktirafan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**PANTAI JEREJAK** - Kepantasan dan kecekapan lima kadet St. John Ambulans Malaysia (SJAM) dari Sekolah Tinggi Chung Ling menyelamatkan nyawa seorang mangsa yang diserang sakit jantung di sekolah berkenaan 1 September lalu mendapat pengiktirafan Kerajaan Negeri.

Kelima-lima mereka, Gabriel Soon Chai Long, 16; Liang Jun Yong, 16; S. Shaman, 14; Ansley Tan Zhong, 14 dan Tang Yi Ze, 14, masing-masing menerima sijil penghargaan yang disampaikan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada 9 Oktober lalu.

Turut menerima sijil pengiktirafan sama, lima kakitangan SJAM yang tampil memberikan rawatan lanjut sejurus mangsa diberikan bantuan kecemasan oleh kadet-kadet terbabit.

Menurut Afif, ketangkasan lima kadet tersebut telah menyelamatkan nyawa mangsa, Long Soo Keat, 49, yang tiba-tiba rebah ketika perlawanan bola sepak persahabatan sehingga memaksa bantuan pernafasan kecemasan (CPR) dan mesin AED (*Automated External Defibrillator*) digunakan ekoran dipercayai ketika itu jantung mangsa telah terhenti.

"Bagaimanapun, hasil kecekapan mereka mengendalikan kes itu telah berjaya menyelamatkan mangsa yang seterusnya dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut.

"Justeru, saya menyeru agar lebih ramai masyarakat mempelajari teknik-teknik melakukan CPR dan menggunakan alatan AED," katanya pada Majlis Perasmian MASS CPR-AED di sini.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, sejak tiga tahun lalu, Kerajaan Negeri secara agresifnya menjalankan program *heart safe* untuk menyediakan lebih ramai responden pertama yang dapat tampil membantu mangsa-mangsa serangan jantung pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

"Kita (Kerajaan Negeri) mulakan usaha meletakkan alatan AED di tempat-tempat awam berlandaskan kesedaran bahawa risiko serangan jantung terhadap mangsa di tempat-tempat awam adalah amat tinggi."

"Kadar survival mereka yang diserang di tempat-tempat awam hanya satu peratus berbanding di negara-negara luar



DR. AFIF BAHARDIN (barisan belakang, tengah) merakam gambar kenangan dengan pihak-pihak yang menerima penghargaan pada Majlis Perasmian MASS CPR-AED di sini baru-baru ini.

seperti Singapura iaitu 12 peratus.

"Mungkin (usaha) yang kita lakukan tidak membuat hasil serta-merta, tetapi sebaliknya ia akan memberikan pulangan pada masa hadapan... seperti pelajar-pelajar ini, mereka adalah responden pertama pada hari kejadian dan dengan menggunakan teknik CPR dan mesin AED yang dipasang di sekolah berkenaan, satu nyawa telah dapat diselamatkan," ujarnya sambil mengucapkan syabas kepada anak-anak muda berkenaan.

Hadir sama pada majlis berkaitan, Ketua Polis Negeri, Datuk Seri A. Thaiveegan; Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang, Saadon Moktar; Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kapten Hamizan Harun; Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Pulau Pinang, Kolonel Pang Ah Lek dan Pakar Perunding Kanan Anestesiologi dan Rawatan Rapi merangkap Pengerusi Jawatankuasa MASS CPR-AED, Datuk Dr. Luah Lean Wah.

Seramai 1,100 peserta dari pelbagai jabatan kerajaan, agensi negeri, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) menjayakan pengajuran tersebut.

Serentak itu, ZOLL Medical Corporation menyumbangkan seunit mesin AED kepada SJAM, manakala mangsa, Soo Keat menyerahkan cek sumbangan untuk membeli dua unit AED masing-masingnya kepada Sekolah Tinggi Chung Ling dan Hospital Pulau Pinang.

## Pusat khidmat sebagai 'jambatan' selesai pelbagai isu rakyat - KM

**BUKIT MERTAJAM** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru seluruh masyarakat di negeri ini untuk memanfaatkan fungsi pusat khidmat sebagai jambatan yang menghubungkan rakyat dan kerajaan bagi menyelesaikan pelbagai isu di kawasan masing-masing.

Menurutnya, adalah menjadi tanggungjawab wakil rakyat untuk membawa masalah yang dibangkitkan masyarakat kepada kerajaan atau agensi Persekutuan bagi membuka ruang kepada penggubalan pelbagai dasar serta akta baru di negara ini.

"Pusat khidmat rakyat ini melambangkan satu era baru bagi Malaysia dan juga parti selain menjadi kesinambungan kepada perjuangan untuk memastikan negara kita benar-benar punyi harapan."

"Oleh itu, marilah kita kembangkan peranan masing-masing melalui petugas-petugas, pemimpin serta ahli-ahli dengan menjadikan pusat khidmat sebagai satu landasan untuk perjuangan parti yang dimulakan sejak tahun 1966," seru Kon Yeow yang juga Penggerusi DAP Pulau Pinang ketika berucap pada Majlis Pelancaran Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parliment Bukit Mertajam dekat Sunway Wellesley di sini 6 Oktober lalu.

Turut berucap, Ahli Parliment Bagan merangkap Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng yang menyatakan bahawa kawasan Bukit Mertajam mengalami banyak perubahan ekoran pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan (PH) Negeri Pulau Pinang seperti menaik taraf Jalan Song Ban Kheng daripada dua lorong kepada empat lorong.

"Satu lagi projek yang kita (PH) buat adalah menaik taraf jalan dari Taman Alma ke Jalan Bukit Minyak dengan kos melebihi RM40 juta termasuk kos pengambilan tanah."

"Semua ini (pembangunan) perlu dilakukan untuk membolehkan Bukit Mertajam membangun dengan pesat, dan saya yakin kemajuan ini akan diteruskan oleh Ketua Menteri yang baharu," katanya yang juga Menteri Kewangan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merangkap Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Phee Boon Poh (ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar); Heng Lee Lee (ADUN Berapit); Setiausaha Politik Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar, Teh Lai Heng; Ahli-Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan ramai lagi.

Dalam pada itu, Ahli Parliment Bukit Mertajam merangkap Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Steven Sim Chee Keong menyatakan bahawa perubahan lokasi Pusat Khidmat Parliment beliau dari Taman Ciku ke Sunway Wellesley adalah sebagai satu usaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Difahamkan, Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parliment Bukit Mertajam dibuka setiap hari iaitu, dari Isnin hingga Jumaat bermula jam 9.30 pagi hingga jam 5.30 petang, manakala pada hari Sabtu, dari jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengahari.

Selain itu, pusat khidmat berkenaan juga menyediakan perkhidmatan kesihatan percuma kepada masyarakat pada hari Ahad pertama setiap bulan bermula jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengahari.

Sebagai tambahan, pada hari Rabu pertama setiap bulan akan disediakan perkhidmatan guaman percuma kepada semua masyarakat di sini.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi talian : 04 - 538 1226 atau hadir ke Pusat Khidmat Ahli Parliment Bukit Mertajam di alamat, G-10, Precint 1, Sunway Wellesley, Jalan Muthu Palaniappan, Bukit Mertajam.

# HeroMarket, beri peluang rakyat buat pilihan barang harga rendah

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI  
Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**AIR ITAM** – Rangkaian pasar raya peruncitan tempatan, HeroMarket kini membuka cawangannya di Pulau Pinang menjadikan ia yang pertama di utara Semenanjung Malaysia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pembukaan itu akan menjadi titik perubahan kepada industri membeli-belah peruncitan tempatan di Pulau Pinang sekaligus memberi peluang kepada rakyat untuk membuat pilihan barang pada harga yang rendah.

“Sekiranya HeroMarket senantiasa dapat memenuhi kehendak pelanggannya di sini, tidak mustahil pembukaan cawangan pertamanya di Pulau Pinang akan mencapai kejayaan.

“Terima kasih kerana memilih Pulau Pinang dan saya yakin, orang Air Itam bahkan orang Pulau Pinang amat bijak dalam memilih barang yang berkualiti dan produk segar pada harga berpatutan,” ucapnya pada Majlis Perasmian Pembukaan HeroMarket di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng

Soon Siang; Pengarah HeroMarket, Francis Teng serta Pengarah Urusan Kumpulan Belleview, Datuk Sonny Ho.

Tertarik dengan konsep yang ditawarkan, Kon Yeow berharap pembukaan pasar raya itu akan memberi manfaat kepada rakyat secara menyeluruh.

“Malah saya difahamkan, kewujudan pasar raya ini juga akan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan memberi peluang kepada penduduk untuk membeli-belah barang keperluan harian,” katanya yang turut meluangkan masa melawat kedai harga patut *NOKO* iaitu bahasa Hokkien yang bermaksud ‘RM2’.

Dalam pada itu, Francis Teng ketika ditemui berkata, perkembangan ekonomi negeri yang baik menjadi salah satu faktor pihaknya memilih Pulau Pinang bagi pembukaan cawangan baharu.

Difahamkan, HeroMarket melabur kira-kira RM5 juta bagi membuka cawangannya yang pertama di Pulau Pinang.

Selain itu, HeroMarket turut mempunyai 23 cawangan lain di Lembah Klang dan Johor serta merancang untuk membuka beberapa lagi cawangan baharu di Kedah dan Perak.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil pengurusan tertinggi HeroMarket pada majlis pelancaran pasar raya peruncitan berkaitan di sini baru-baru ini.

**Selamat Hari Deepavali**

**HAK MILIK KEKAL**  
Diskaun Bumiputera 5%

Lebih daripada 60 kemudahan kelas dunia yang luar biasa tersebar lebih 150,000 kaki persegi ruang lantai seperti satu kolam renang bersaiz Olimpik dan dua kolam langit infiniti, bowling, cineleisure, bilik karaoke, dan banyak lagi! Yuran penyelenggaraan RM0.30 psf sebulan sahaja. Keluasan dari 1097sqft - 1335sqft, dengan jumlah susun atur 4 jenis untuk pilihan anda.

**TINDAKLAH SEKARANG • UNIT TERHAD**

**RUMAH CONTOH DISEDIAKAN, SILA HUBUNGI +6012 443 8888 UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Dibangunkan oleh:

**ewein ZENITH®**

HQ

Suite 1-01-02 Menara IJM Land,  
1, Lebuh Tunku Kudin 3,  
11700 Gelugor, Penang, Malaysia

Dengan bangga dipasarkan oleh:

**ZEON**<sup>®</sup>  
PROPERTIES  
Google Partner  
Malaysia's Top Google Real Estate Co.

WISMA ZEON  
29C-03-01, Persiaran Karpal Singh 2, Jelutong,  
11600 Georgetown, Penang, Malaysia.  
T: +6012 - 443 8888 | W: [www.cityofdreamspenang.com.my](http://www.cityofdreamspenang.com.my) | F: CityofDreamsPG

Imbas maklumat lanjut:



# Tawar bantuan hartaanah, waspada individu menyamar

Gambar : ALISSALA THIAN

**SUNGAI PINANG** – Orang ramai dinasihatkan agar berhati-hati jika didatangi mana-mana individu yang mengaku sebagai kakitangan dari Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan menawarkan bantuan untuk mendapatkan hartaanah milik Kerajaan Negeri.

Gesaan tersebut dibuat Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer sebagai membongkar kes penipuan sepasang suami isteri yang dipercayai menyamar sebagai pegawai-pegawai organisasi berkaitan dan telah berjaya memperdaya lebih 10 mangsa berhubung urusan pemilikan rumah serta lot kedai.

Katanya, sekiranya mana-mana individu yang ingin membeli mana-mana hartaanah seperti rumah, lot kedai dan sebagainya, mereka boleh terus datang ke pejabat kerajaan yang menguruskan pembelian tersebut.

“Saya tidak mahu lagi orang awam tertipu dengan individu macam ini, jadi ia perlu diuar-uarkan agar orang ramai lebih peka, berhati-hati dan tidak lagi



**RAHMAN Syed Mohamed.**

tertipu dengan individu-individu tidak bertanggungjawab seperti ini.

“Saya gesa pihak PDRM (Polis Diraja Malaysia) Cawangan Jenayah Komersial untuk ambil tindakan dan tuduh suspek (di mahkamah) yang dipercayai menggunakan nama ‘Azlina’ dan ‘Mohamed Yusof’.

“Kalau tidak (tangkap), mereka ini ada risiko untuk loloskan diri, dan di sini saya bersedia pertahankan mangsa-mangsa semua,” tegasnya pada sidang media di sini 6 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)



R.S.N. Rayer (duduk, dua dari kiri) dan Lim Siew Khim (duduk, dua dari kanan) bersama-sama para pengadu terlibat menunjukkan beberapa dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Melalui keterangan diperoleh, Rayer memaklumkan bahawa kerugian semua mangsa terbabit adalah dianggarkan bernilai RM500,000.

“Melalui maklumat daripada mangsa-mangsa berkenaan, suspek dikatakan sangat licik memalsukan dokumen seperti slip transaksi, surat jual beli dan pelbagai dokumen lain termasuk cek palsu bagi meyakinkan mangsa-mangsanya,” ujarnya.

Sementara itu, pada majlis

sama, Rayer turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Rahman Syed Mohamed, 49, ekoran keberaniannya menyelamatkan seorang warga emas daripada cubaan membunuh diri dekat Flat Sri Wonder, Sungai Pinang baru-baru ini.

Menurut Rahman, walaupun tindakannya itu mengundang pelbagai risiko, namun niatnya hanya satu iaitu untuk menyelamatkan warga emas

tersebut daripada terjun dari tingkat 10 flat berkenaan.

“Saya dengar bunyi bising di luar rumah, bila keluar saya tengok seorang uncle berdiri atas tembok nak terjun... jadi apabila tengok orang ramai dah tarik perhatian dia, saya cepat-cepat menarik lutut mangsa hingga dia terjatuh atas saya... syukur dia berjaya diselamatkan,” katanya mengulas mengenai kejadian yang berlaku pada 2 Oktober lalu dan tular di dalam media sosial.

## Bukit Juru sebagai destinasi ekopelancongan Seberang Perai, cadang ADUN

Oleh : SUNARTI YUSOFF

**BUKIT TENGAH** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung mencadangkan agar kawasan Bukit Juru dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan di Seberang Perai.

Menurutnya, kertas cadangan berkaitan perkara itu telah dikemukakan kepada Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian 15 Oktober lalu.

“Cadangan ini dikemukakan selepas mengambil kira pengumuman Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow)

bahawa Kerajaan Negeri kini sedang merangka Pelan Induk Pembangunan Pelancongan Negeri Pulau Pinang yang mana Seberang Perai juga akan dimasukkan di dalam kerangka tersebut.

“Malah, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (Dato’ Sr. Rozali Mohamud) juga menyatakan bahawa kawasan Seberang Perai mempunyai potensi yang cukup besar untuk dibangunkan sebagai hab ekopelancongan bagi negeri ini.

“Oleh itu, selepas mengambil maklum balas serta pandangan penduduk setempat dan



**GOOI Hsiao-Leung** menunjukkan peta kawasan Bukit Juru pada sidang media di sini baru-baru ini.

tersebut kerana ia bukan sahaja mampu meningkatkan sosioekonomi masyarakat setempat, malah juga mengekalkan keindahan alam semula jadi pada masa akan datang.

“Saya amat berharap agar Kerajaan Negeri dapat membuat pertimbangan yang serius terhadap cadangan untuk menjadikan Bukit Juru sebagai pilihan ekopelancongan di negeri ini.

“Banyak manfaat bakal dinikmati masyarakat setempat jika hasrat ini berjaya direalisasikan,” jelasnya.

**TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0**  
每日无免费塑胶袋 2.0  
**mulai 01 Mac 2017**  
自2017年3月1日起

**P**asaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.  
霸级市场、超级市场、杂货市场、快餐店、杂货店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。  
**Pendaftaran boleh dilakukan di:**  
可在以下地点登记:  
Bahagian Pelesenan MBPP,  
Dewan Bandaraya, Jalan Padang  
Kota Lama, 10200 Georgetown,  
Pulau Pinang.  
槟岛市政厅执照部门  
Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran  
Seberang Perai, Jalan PERDA Utama,  
Bandar PERD, 14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang.  
威省市政局一站式柜台  
Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).  
收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama , AES ) 计划来作为全州的除贫基金。  
Sebarang Pertanyaan / 任何询问:  
Bahagian Pelesenan, MBPP / 槟岛市政厅执照部: 04 - 263 8818  
Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局执照部: 04 - 549 7414

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
<b>N.26 PADANG KOTA</b> YAB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyeow@penang.gov.my">chowkonyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
<b>N.03 PINANG TUNGGAL</b> YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
<b>N.16 PERAI</b> YB Prof. Dr. P. Ramasamy <a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
<b>N.07 SUNGAI PUYU</b> YB Phoo Boon Poh <a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my">pheeboonpoh@penang.gov.my</a> ; <a href="mailto:pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@yahoo.com</a>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
<b>N.10 SEBERANG JAYA</b> YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
<b>N.15 PADANG LALANG</b> YB Chong Eng <a href="mailto:chong.eng@penang.gov.my">chong.eng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
<b>N.29 DATO' KERAMAT</b> YB Jagdeep Singh Deo <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
<b>N.37 BATU MAUNG</b> YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain <a href="mailto:pusatkhidmatn37@gmail.com">pusatkhidmatn37@gmail.com</a>	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
<b>N.08 BAGAN JERMAL</b> YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
<b>N.22 TANJONG BUNGA</b> YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
<b>N.34 PAYA TERUBONG</b> YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
<b>N.28 KOMTAR</b> YB Teh Lai Heng <a href="mailto:komtarN28@gmail.com">komtarN28@gmail.com</a>	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
<b>N.02 BERTAM</b> YB Khalil Mehtab Mohd. Ishaaq	(T)
<b>N.06 TELOK AYER TAWAR</b> YB Mustafa Kamal <a href="mailto:mustafakamal.mkba@gmail.com">mustafakamal.mkba@gmail.com</a>	(T) 04 - 351 1732
<b>N.09 BAGAN DALAM</b> YB Satees A/L Muniandy <a href="mailto:n9.bagandalam@gmail.com">n9.bagandalam@gmail.com</a>	(T) 04 - 313 3990
<b>N.11 PERMATANG PASIR</b> YB Muhammad Faiz Bin Fadzil <a href="mailto:faizfadzilamanah@gmail.com">faizfadzilamanah@gmail.com</a>	(T) 04 - 521 1106
<b>N.12 PENANTI</b> YB Dr. Norlela Ariffin <a href="mailto:norlela.ariffin@gmail.com">norlela.ariffin@gmail.com</a>	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
<b>N.13 BERAPIT</b> YB Heng Lee Lee <a href="mailto:berapit@dappg.org">berapit@dappg.org</a>	(T) 017 - 8133 509 (F) 04 - 540 0006
<b>N.14 MACHANG BUBOK</b> YB Lee Khai Loon <a href="mailto:klee78@gmail.com">klee78@gmail.com</a>	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
<b>N.17 BUKIT TENGAH</b> YB Gooi Hsiao-Leung <a href="mailto:gooih siaoleung@penang.gov.my">gooih siaoleung@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
<b>N.18 BUKIT TAMBUN</b> YB Goh Choon Aik	(T)
<b>N.19 JAWI</b> YB H'ng Mooi Lye <a href="mailto:jawi@dappg.org">jawi@dappg.org</a>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
<b>N.20 SUNGAI BAKAP</b> YB Dr. Amar Pritpal Abdullah <a href="mailto:ybadunsungaibakapn20@gmail.com">ybadunsungaibakapn20@gmail.com</a>	(T)
<b>N.21 SUNGAI ACHEH</b> YB Zukifli Ibrahim <a href="mailto:n21adunsgacheh@gmail.com">n21adunsgacheh@gmail.com</a>	(T)
<b>N.23 AIR PUTIH</b> YB Lim Guan Eng <a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 829 0614
<b>N.24 KEBUN BUNGA</b> YB Jason Ong Khan Lee <a href="mailto:kebunbunga24@gmail.com">kebunbunga24@gmail.com</a>	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
<b>N.25 PULAU TIKUS</b> YB Lee Chun Kit <a href="mailto:pulautikus@dappg.org">pulautikus@dappg.org</a>	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
<b>N.27 PENGKALAN KOTA</b> YB Gooi Zi Sen <a href="mailto:pengkalankota@dappg.org">pengkalankota@dappg.org</a>	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
<b>N.30 SUNGAI PINANG</b> YB Lim Siew Khim <a href="mailto:lmsiewkhim@penang.gov.my">lmsiewkhim@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
<b>N.31 BATU LANCANG</b> YB Ong Ah Teong <a href="mailto:batulancang@dappg.org">batulancang@dappg.org</a>	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
<b>N.32 SERI DELIMA</b> YB Syerleena Abdul Rashid <a href="mailto:32seridelima@gmail.com">32seridelima@gmail.com</a>	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
<b>N.33 AIR ITAM</b> YB Joseph Ng Soon Siang <a href="mailto:airitam@dappg.org">airitam@dappg.org</a>	(T) 04 - 829 9143
<b>N.35 BATU UBAN</b> YB Kumaresan A/L Aramugam <a href="mailto:kumar.harapan35@gmail.com">kumar.harapan35@gmail.com</a>	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
<b>N.36 PANTAI JEREJAK</b> YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)
<b>N.38 BAYAN LEPAS</b> YB Azrul Mahathir Aziz <a href="mailto:ambasegaria.aam@gmail.com">ambasegaria.aam@gmail.com</a>	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
<b>N.39 PULAU BETONG</b> YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
<b>N.40 TELUK BAHANG</b> YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ <a href="mailto:dappg@streamyx.com">dappg@streamyx.com</a>	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
<b>N.01 PENAGA</b> YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
<b>N.04 PERMATANG BERANGAN</b> YB Nor Hafizah Othman	(T)
<b>N.05 SUNGAI DUA</b> YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)

  

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
<b>N.01 PENAGA</b> Md. Khalil Salleh <a href="mailto:novafast63@gmail.com">novafast63@gmail.com</a>	(T) 012 - 598 4881
<b>N.04 PERMATANG BERANGAN</b> Dato' Jasmin Mohamad <a href="mailto:jmmohamed002@gmail.com">jmmohamed002@gmail.com</a>	(T) 018 - 468 6610
<b>N.05 SUNGAI DUA</b> Yusri Isahak <a href="mailto:ysregnot@gmail.com">ysregnot@gmail.com</a>	(T) 019 - 337 4055

### Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) ( BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	CAP	04-829 9511
EPF	04-226 1000	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
SOCSCO	04-238 9888	PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108 04-229 8555

### Kalendar Pelancongan



**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MPSP 2018**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abiddin	017 - 938 9192
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Johnson a/l Anthonysamy	012 - 424 5745
Kang Yau Chuang	010 - 829 3904
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Kumaran A/L Krishnan	012 - 464 4697
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Mohamad Akmal Azhar	019 - 518 5145
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tengku Rasidah Tengku Kamarudin	019 - 473 1323
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zaini Awang	019 - 546 3115
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161

**SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG**

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Elempuru Valuthi	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556 018 - 467 0037
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	Nakulan A/L Muthumanikam	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	010 - 462 0073

**Nota:**

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MBPP 2018**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Aidi Akhbal Mohamed Zainon	012 - 464 3004
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azli Ibrahim	011 - 2432 9007
Dr. Chee Heng Leng	017 - 333 9366
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gerald Mak Mun Keong	016 - 452 6499
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvinder Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Latifah Hussainsa	013 - 436 1999
Nurliyana Mohd Ramzi	011 - 3922 4080
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Kean Peng	012 - 629 1133
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Saiful Azwan Abd. Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Vino Dini a/p Chandragason Pitchy	016 - 439 9358
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI  
BULETIN MUTIARA**
**Penulis:**

YAP LEE YING  
AINUL WARDAH SOHILLI  
ZAINULFAQAR YAACOB  
NORSHAHIDA YUSOFF  
WATAWA NATAF ZULKIFLI  
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**

LAW SUUN TING  
ALISSALA THIAN  
AHMAD ADIL MUHAMAD  
DARWINA MOHD. DAUD  
ALVIE CHENG CHIN WEI  
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS  
CHAN KOK KUAN  
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**  
IDZHAM AHMAD  
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang  
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923  
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Layari

 [www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)
 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)
 [@chowkonyeow](#)

# Terap amalan budaya hidup cergas

Oleh : WATAWA NATAF  
ZULKIFLI  
Gambar : NUR AFIQAH  
ZAINUDI

**BATU UBAN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menggesa rakyat Pulau Pinang supaya menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif dalam meningkatkan kadar peratusan rakyat yang bersukan di negara ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Hari Sukan Negara 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang dekat Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban di sini 13 Oktober lalu.

"Kadar peratusan tersebut harus ditingkatkan agar Malaysia setanding dengan negara maju dalam peratusan rakyat bersukan."

"Peratusan masyarakat



A K S I  
p a r a  
p e s e r t a  
b e r b a s i k a l y a n g  
m e m e r i a h k a n p e n g a n j u r a n .



PESERTA cilik sukan taekwondo membuat persembahan.

KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan acara pelepasan peserta bersempena penganjuran Hari Sukan Negara 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah iaitu pada kadar sekitar 40 peratus sahaja berbanding 50 hingga 60 peratus di negara-negara maju," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP),

Frederick Tan Teck An; Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Zahari Abdul Munib dan kepimpinan-kepimpinan negeri serta persatuan-persatuan sukan.

Tambah Kon Yeow, Hari Sukan Negara bertujuan merealisasikan hasrat dan inspirasi Kementerian Belia dan Sukan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terkenal dengan sukan.

"Melalui Hari Sukan Negara juga, perpaduan negara dapat

dieratkan melalui aktiviti yang telah disusun dan direncanakan di samping meningkatkan pengetahuan serta kepentingan bersukan dalam kalangan masyarakat kita," jelasnya.

Dianggarkan kira-kira 60,000 peserta terlibat menjayakan 120 program di seluruh Pulau Pinang pada hari berkaitan.

Antara acara menarik dianjurkan di Batu Uban termasuk Fun Run, Fun Ride, Paint Ball, Wall Climbing dan pelbagai sukan lain.

## SPICEC, fokus promosi pembangunan ekonomi tempatan melalui ekopelancongan

**SEBERANG JAYA** - Persidangan Antarabangsa Seberang Perai Untuk EkoPelancongan Dan Usaha-Usaha Memulihara Alam 2018 (SPICEC 2018) berlangsung buat kali kedua pada 8 Oktober lalu.

Persidangan kali ini memfokuskan kepada mempromosi pembangunan ekonomi tempatan melalui ekopelancongan dengan menampilkan 26 penceramah tempatan dan luar negara (6).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam ucappannya berkata, tujuan utama penganjuran persidangan tersebut adalah sebagai platform untuk berkongsi maklumat dan kaedah terbaik bagi memajukan produk ekopelancongan khususnya di Seberang Perai.

"Saya percaya bahawa MPSP memutuskan untuk menjadikan ekopelancongan sebagai produk pelancongan utama di Seberang Perai bukan sahaja kerana nilai ekonominya, malah juga kerana kesan positif terhadap alam semula jadi itu sendiri."

"Justeru, melalui persidangan ini, ahli-ahli akademik berpeluang berkongsi pengetahuan mereka mengenai cara untuk mempromosikan ekopelancongan dan pembangunan ekonomi tempatan tanpa menjaskan alam semula jadi," ucapnya pada majlis pembukaan persidangan berkaitan di sini 8 Oktober lalu.

Turut berucap, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran

Seberang Perai (MPSP) Dato' Sr. Rozali Mohamud yang menyatakan bahawa pihaknya mengambil peluang daripada penganjuran berkenaan untuk menjalin kerjasama serta menguatkan rangkaian perhubungan di antara MPSP, pemain industri serta individu berkemahiran sama ada dari dalam dan luar negara.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Pengarah Eksekutif UN-Habitat, Dato' Seri Maimunah Mohd. Sharif; Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan Setiausaha Agung UCLG ASPAC (*United Cities And Local Government Asia Pacific*).

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Dr. Afif Bahardin (Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya); barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang serta Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP juga turut hadir.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pembangunan ekopelancongan juga mampu memberi kesan positif terhadap perubahan iklim, seperti mana dinyatakan pakar-pakar sebelum ini.

Malah, katanya, ekopelancongan bukanlah topik

yang membosankan memandangkan ia memberi penekanan kepada ekopelancongan sebagai platform untuk memulihara alam dan memperkasakan masyarakat setempat.

"Walaupun pelancongan bukan perniagaan utama MPSP, namun pihak Majlis mengambil inisiatif untuk menjadikan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

"Oleh itu, persidangan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pemain industri besar tetapi juga untuk menjaga para peniaga tempatan selain menjadi platform yang berguna untuk mewujudkan forum bagi Kerajaan Tempatan di Malaysia serta ASEAN amnya untuk berkongsi idea-idea bagi mengembangkan pengetahuan dalam ekopelancongan dan pemuliharaan alam semula jadi," jelas Kon Yeow.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa aset pelancongan di Seberang Perai perlu disenaraikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pelancongan Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya dengan memasukkan ia ke dalam pakej-pakej yang disediakan oleh agensi pelancongan di negeri ini.

"Mudah-mudahan Pelan Induk Pelancongan di Pulau Pinang akan dilaksanakan dengan lancar, supaya kita boleh mencatat arah baru dengan fokus baru," katanya.

# Exco puji CSR IWK wujudkan program ‘Rakan Sungai’

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : LAW SUUN TING

**TANJUNG BUNGA** - Daripada 21 batang sungai yang dipantau di Semenanjung Malaysia, Indah Water Konsortium (IWK) Pulau Pinang sendiri melaksanakan kerja-kerja memulihara Sungai Batu Feringghi dan Sungai Rambai menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dikenali sebagai ‘IWK Friends of Rivers’.

Mengulas lanjut, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari memuji inisiatif IWK dalam mengurangkan tahap pencemaran air Sungai Batu Feringghi di sini.

“Program Rakan Sungai IWK dan program-program lain sepertinya merupakan langkah wajar dan sesuai untuk memupuk kesedaran awam bahawa pemuliharaan alam sekitar termasuk menjaga kualiti air sungai adalah merupakan tanggungjawab semua rakyat di Malaysia.

“Saya dimaklumkan bahawa proses rawatan air sisa yang dijalankan oleh IWK membantu memelihara kesinambungan

kitaran air semulajadi yang mana air terawat yang dialirkan semula oleh loji-loji rawatan kumbahan ke perairan seperti sungai dan laut, adalah menepati standard dan piawaian ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS),” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga dalam Majlis Pelancaran IWK Friends of Rivers dekat Loji Rawatan Kumbahan Batu Feringghi pada 20 Oktober 2018.

Berucap pada majlis sama, Ketua Operasi Wilayah Utara IWK, Ir. Hussain Omar memberitahu bahawa setakat tahun 2014, hanya 62 daripada 140 lembangan sungai yang dipantau telah dikategorikan bersih, sementara sederhana tercemar (62) dan tercemar (12).

“Dengan menjadikan Sungai Batu Feringghi sebagai rakan sungai IWK, kita berharap rakyat juga dapat menjaga sungai kita, jangan membiarkan najis kumbahan dari premis masing-masing dilepaskan begitu sahaja ke laut atau sungai,” serunya sambil berharap mereka yang mempunyai tunggakkan kadar caj pembentung peribadi



PARA sukarelawan dan wakil-wakil pengangur yang mengambil bahagian dalam salah satu aktiviti bersempena Majlis Pelancaran IWK Friends of Rivers di sini baru-baru ini.

yang tinggi supaya segera membuat pembayaran mudah.

Serentak dengan majlis pelancaran Rakan Sungai IWK, lebih 80 sukarelawan dari IWK Pulau Pinang; Suruhanjaya Perkhidmatan Air

Negara (SPAN); JAS; Hard Rock Hotel Pulau Pinang dan Bayview Beach Resort Penang turut menyertai program menanam pokok jenis Ixora New serta membersihkan muara Sungai Feringghi di sini.

## ADUN puji inisiatif MPSP, Petron tanam 200 pokok bakau di Sungai Kerian

**JAWI** - RM20,000 kos projek penanaman pokok bakau spesies Berembang (*Sonneratia Caseolaris*) di Sungai Kerian ditaja sepenuhnya oleh Tetuan Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad (Petron) di sini.

Ketika merasmikan projek hijau itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye berharap lebih ramai pihak berkepentingan tampil untuk saling bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam melaksanakan program penanaman pokok terutama di daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

“Ini merupakan salah satu lagi projek berkonsepkan 7Ps atau *People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*, yang mana sebanyak 200 pokok Berembang ditanam di sebahagian rizab Sungai Kerian yang berkeluasan 2,100 meter persegi.

“Jadi, saya berharap lebih ramai lagi pihak berkepentingan tampil, seperti Petron, untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dan MPSP, bagi menggalakkan keadaan hijau di daerah SPS ini,” ujarnya ketika merasmikan Program Penanaman Pokok Berembang Di Sungai Kerian dekat Teluk Ipil, Kampung Che Isa 13 Oktober 2018.



JASON H'ng Mooi Lye (duduk, kanan sekali), Heng Yeh Shiuan (duduk, dua dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama para peserta Program Penanaman Pokok Berembang Di Sungai Kerian dekat sini baru-baru ini.

## Fiesta Sungai Perai ketengah aktiviti ekopelancongan

### SEBERANG PERAI

Penganjuran Fiesta Sungai Perai merupakan salah satu platform dalam mengetengahkan aktiviti ekopelancongan di Seberang Perai, kata Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Menurutnya, pesta yang diadakan bersempena Sambutan Hari Sungai Sedunia itu adalah projek ketiga di bawah Pelan Tindakan Sungai Perai dalam Program Butterworth Baharu melalui kerjasama antara MPSP, Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

“Program seumpama ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan sungai dan meraikan ia di Seberang Perai terutamanya Sungai Perai.

“Ia (pesta) juga mampu mempromosikan aktiviti gaya hidup sihat serta memberi pendidikan kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai serta memelihara alam sekitar selain menjadi platform dalam mengetengahkan aktiviti ekopelancongan,” ujarnya pada penganjuran berkaitan di sini 22 September lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Muhamad Yusoff Mohd. Noor; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Tengah, Mohd. Nasyarul Ahmad Rizan; Pengarah Urusan ThinkCity, Hamdan Abdul Majeed dan Pengarah Urusan Zart Eventive Enterprise, Zaini Zainul.

Difahamkan, pesta separuh hari itu diisi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran oleh agensi kerajaan, fesyen kitar semula, bengkel kayak, bengkel seruling,



PROF. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) dan Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kanan) memerhatikan gelagat beberapa peserta yang berkayak pada Penganjuran Fiesta Sungai Perai di sini baru-baru ini.

aktiviti menaiki bot, makan sakan, konsert dan banyak lagi.

Mengulas lanjut, Rozali menjelaskan bahawa beberapa perkara berpotensi diberikan tumpuan dalam membangunkan Sungai Perai antaranya, kualiti air, pemuliharaan dan penyelenggaraan taman-taman rekreasi, penyediaan kemudahan dan reka bentuk yang indah serta penganjuran aktiviti ekopelancongan.

“Dengan memberi nafas baru kepada sungai yang lama diabaikan ini, orang ramai akan berkunjung ke Sungai Perai untuk melakukan pelbagai aktiviti seperti berkelah, memancing, bersukan dan sebagainya,” katanya.

Dalam pada itu, Prof. Dr. P. Ramasamy yang merupakan Timbalan Ketua Menteri II semasa merasmikan pesta berkenaan memberitahu, sungai bukan sahaja berfungsi sebagai sumber bekalan air, malah turut mempunyai fungsi pelbagai seperti di Bangkok, Thailand yang berjaya menguruskan sumber air sehingga mampu menjadi tarikan para pelancong dari seluruh dunia.

# Sehari bersama alam sekitar

**MAHATMA** Ghandi berkata, "masa depan adalah bergantung kepada apa yang kita lakukan hari ini", justeru untuk merealisasikan impian ini, *Penang Green Council* (PGC) mengambil inisiatif menganjurkan Projek Sunshine bertarikh 14 Oktober 2018.

Projek tersebut merupakan kem satu hari yang direka khas untuk kanak-kanak dari keluarga kurang berkemampuan dan anak yatim. Sejumlah 32 orang peserta dari kawasan Pantai Jerejak telah menyertai kem yang turut mendapat sokongan daripada Pusat Khidmat ADUN Pantai Jerejak. Selain itu, penganjuran berkaitan juga mendapat kerjasama daripada *Tropical Spice Garden* selaku penaja lokasi.

Aidiel Akbar Hussein, salah seorang fasilitator kem berpendapat bahawa pengetahuan berkenaan kesedaran alam sekitar seharusnya bermula dari usia muda.

"Sebelum ini, saya menjadi fasilitator untuk Kem Remaja dan kali ini sekali lagi saya terpanggil untuk mengambil bahagian sebagai tanda sokongan terhadap usaha *Penang Green Council* dalam memberi pendedahan kepada masyarakat umum tentang isu-isu berkaitan alam sekitar di setiap peringkat umur."

"Kanak-kanak seusaia mereka patut diberi pengetahuan awal supaya mereka lebih peka terhadap kepentingan menjaga alam sekitar," katanya.

Kem berkaitan merangkumi empat modul utama dan satu aktiviti luar. Antara modul tersebut ialah perubahan iklim, pengurusan sisa pepejal, kepentingan air dan penjimat tenaga. Setiap modul diselitkan dengan *mini game* untuk menarik minat dan fokus kanak-kanak supaya belajar sambil bermain.

Umumnya, semua modul yang diterapkan secara tidak langsung dapat memupuk sifat cintakan alam sekitar, meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan kemahiran

menerokai persekitaran taman bagi mengenali jenis-jenis tumbuhan serta haiwan yang terdapat di sana.

PGC merupakan sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (NPO) yang ditubuhkan untuk memupuk dan memberi kesedaran serta pendidikan alam sekitar di Pulau Pinang. PGC telah menganjurkan beberapa siri program jaringan komuniti seperti Kem Hijau, Kem Hijau Cilik, bekerjasama dalam satu kumpulan dalam kalangan generasi muda.



Ketika ditemuramah, kebanyakan peserta menzahirkan rasa gembira kerana dapat menyertai kem ini buat pertama kalinya serta begitu bersemangat melakukan aktiviti-aktiviti bersama-sama fasilitator. Malah, para peserta turut berpeluang

Pendidikan Rumah ke Rumah, Kem Remaja, dan bengkel-bengkel bertemakan unsur alam sekitar sebagai usaha untuk mendekati masyarakat.

Bagi mereka yang berminat untuk menjadi pihak penganjur bersama, sila hubungi kami di 04 – 250 3322 / 3321 atau e-mel: [info@pgc.com.my](mailto:info@pgc.com.my).



FASILITATOR sedang memberi penerangan tentang aktiviti DIY membuat beg daripada kertas.



**BFF**  
BUTTERWORTH  
FRINGE FESTIVAL  
2018

ARTS, CULTURE & HERITAGE

**1 & 2 DECEMBER**  
4PM-11PM  
JALAN JETI LAMA  
BUTTERWORTH

#BFF2018  
[thinkCITY TLM](#)

This December, Butterworth takes centre stage in Butterworth Fringe Festival, an annual, two-day street event celebrating the arts, culture, and heritage of Butterworth, Penang. This free, vibrant event has been introducing festival goers to the diversity of Butterworth since 2015, by putting the spotlight on the community and spaces. Festival goers can expect wide selections of street food, international and local performances, art exhibitions, fun children activities and creative workshops.



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 3261 : TAN BENG HUAT - 66051307**** : BLOK 3-6-10 JALAN 1/1A, TAMAN KEPONG INDAH 52100 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 3273 : TANG CHIN HOOI - 65013007**** : 59 TINGKAT SIAKAP 9, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 3278 : TAN LAN HOOI - 63060307**** : 42C-18-27, GAT LEBUH MACALLUM 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3292 : THIRUVARUTSELVAR A/L MUNIANDY - 70062507**** : 41 JALAN DATO HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1	: CHONG WENG HUA - 62071502**** : 27 JALAN SS 14/8F, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 1	: TAN TEE HIN - 60090207**** : 9 JALAN PJU 1A/24E, ARA DAMANSARA, PETALING JAYA 47301 SELANGOR	Penjamin 1	: CHENG KEE CHOON - 53061707**** : 3064-9 TAMAN JELUTONG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NAGALINGAM A/L KATTAMUTHU - 57020602**** : 157 TAMAN KOBIS, JALAN PAYA BESAR 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2	: TAN BENG KEW - 63072607**** : N-7-03 JALAN HELANG 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ONG SWEE BEE - 60070907**** : NO. 35 SS 23/29, TAMAN SEA, PETALING JAYA 47400 SELANGOR	Penjamin 2	: LOO AH KOO/LOH PENG KEUN - 37093002**** : BLOK KL-4-2, TAMAN FREE SCHOOL, 10600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TULISI NATHZAN A/L MURUGAYA - 52032102**** : A7-02-04 JALAN TUNA 13700 SEBERANG JAYA
No Akaun Peminjam	: 3313 : NORIZAHM BIN OMAR - 69122407**** : 58 TAMAN KELISA, JALAN ISTANA, LUBUK KAWAH 06000 JITRA, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 3317 : BADRUL ZAMAN BIN ABDULLAH - 69022107**** : 2-16 BLOK C1 JALAN PAUH INDAH 1, TAMAN PAUH INDAH 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 3319 : DAVID A/L SAMINATHAN - 670212007**** : NO. 23 LORONG 14, TAMAN CEGAR 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 3327 : MOHD ALI BIN ISMAIL - 68032307**** : NO. 16 LENGGOK BAWAH, BUKIT GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1	: ABDULLAH BIN HASHIM - 43040407**** : 1495 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: BANI HUSAIN BIN MD YUSOF - (MINGGAL DUNIA) : 11A LORONG SIAKAP 14, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI	Penjamin 1	: CECILIA A/P ANTHONYSAMY - 59012407**** : NO. 32 LORONG BELATUK 4, TAMAN BELATUK 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: AZIZ BIN IBRAHIM - 60061571**** : NO. 28 PERUMAHAN KASTAM KANGAR, JALAN KAMPUNG PONDOK 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 2	: SALEH BIN HASHIM - (MINGGAL DUNIA) : NO. 483 PERMATANG KUANG 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 2	: AHMAD OSMANI BIN MOHAMED HASHIM - 54033007**** : 26 LORONG TERINA, TAMAN INDAH, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LOUIS A/L D AROKIASAMY - 48071108**** : 47 PERSIARAN MERBUK, TAMAN BAHAGIA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: MASDAR B ABD RASHID - (MINGGAL DUNIA) : 9 KG TERANG, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 3328 : FAZILAH BINTI ABDULLAH - 70062607**** : B-16 RUMAH TRANSIT 2, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3334 : ZAHAIR BIN ZAINUL ABIDIN - 69052207**** : NO. 7 TAMAN PUTRA PUTERI, KANGAR 01000 PERLIS	No Akaun Peminjam	: 3386 : TOH CHENG BOK - 62021907**** : NO. 28-H JALAN 3, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 4001 : BATHUMAVATHY A/P SUPPIAH - 72050507**** : NO.3 LORONG MARKISAH 4, TAMAN MARKISAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: SITI ROHANI BINTI SIRON - 44090102**** : B-16 RUMAH TRANSIT 2, 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MD JAMIL BIN MD HANIFF - 54091802**** : NO. 18 JALAN BELIBIS 19, TAMAN PERLING, JOHOR BAHRU 81200 JOHOR	Penjamin 1	: QUAZI BIN ABDUL HALIM - 9533*** : 150 LOWER CRESCENT, BUKIT GLUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: PIRAHALATHAN A/L RAMAMURTI - 61071802**** : NO. 18 LORONG KURAU 7, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI
Penjamin 2	: KAMAL BIN SIRON - (MINGGAL DUNIA) : BLOK 9-1-2 JALAN TENGAH , BANDAR BAYAN BARU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOR ASLAN BIN MOHD BAIE - 59013010**** : B6 LOT 3767, LORONG HAJI SAID BATU 7, JALAN KEBUN, SEKSYEN 30, 40460 SHAH ALAM , SELANGOR	Penjamin 2	: NORRIZAH BIN M.ISMAIL - 59080907**** : NO. 9542 JALAN SS 12/1F, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 2	: MUNIANDY A/L RAMAYAH - 52072907**** : 15 TINGKAT ERSKINE TIGA 10470 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 4016 : ANG GUIK CHENG - 73111307**** : 21 LORONG IMPIAN 7, TAMAN IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 4053 : GOVINDER SINGH A/L SIVNARAIN SINGH - 74120107**** : 14 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 4060 : TANG ENG KEONG - 76112107**** : NO 9 SOLOK BINJAI 2, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 4079 : TAJUDEEN BIN M K Y ABDUL RAHMAN - 76040207**** : NO. 33 JALAN PRIMA 3/4, TAMAN PUCHONG PRIMA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1	: ANG KIAT LEONG - A1440**** : 21 LORONG IMPIAN 7, TAMAN IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: NADARAJA A/L MUNIANDY - 57110710**** : NO. 16 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH 13700 PERAI	Penjamin 1	: TAN YEN TEKG - 67050207**** : 663 KEPALA GAJAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: SYED IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN - 70081711**** : NO. 13 JALAN BP 3/17, BANDAR BUKIT PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2	: ANG KIAT THOON - A2375*** : NO. 6 JALAN SEMANGAT , KAMPUNG BARU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: M.K. YASU DEVAN A/L S M KUMARASAMY - 57040507**** : 41 LORONG NANGKA 5, TAMAN DESA DAMAI 14100 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LAI HON CHIEW - (MINGGAL DUNIA) : NO. 9 TINGKAT BINJAI 24, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MOHAMMED MOHAIDEEN B. NOORDEEN - (MINGGAL DUNIA) : NO. 41 JALAN DATO BANDAR TUNGGAL 70000 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
No Akaun Peminjam	: 4087 : SITHI HAMNA BINTI ABDU BAKER - 74053071**** : NO. 89 LORONG SERAMPANG, TAMAN TELUK PULAI 41100 KLANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 4118 : LIM CHENG SEONG - 73082007**** : NO. 3 LORONG DESA PALMA 3, TAMAN DESA PALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 4123 : LIM WUN LEE - 72121007**** : 14 LORONG CERMAT 7, TAMAN CERMAI, 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 4143 : NURZAFIL BIN CHIK - 75081407**** : BATU 30 JALAN SERDANG, KAMPUNG BAGAN SAMAK 34950 BANDAR BAHARU, KEDAH
Penjamin 1	: ABU BAKER BIN MOHD IBRAHIM - (MINGGAL DUNIA) : NO. 42A JALAN HILIR, TAMAN GEMBIRA 41100 KLANG, SELANGOR	Penjamin 1	: TAN NGOH SING - 55011008**** : 18 LORONG JAMBU MADU 4, TAMAN JAMBU MADU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: BEH TEIK HUP - (MINGGAL DUNIA) : 4 LEBUHRAYA KURAU, CHAI LENG PARK, 13700 PERAI	Penjamin 1	: ZAINAL ABIDIN B MOHAMED ARABEE - (MINGGAL DUNIA) : 245 JALAN PERWIRA, TAMAN PERWIRA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: M A AHMAD BIN ABDUL KADER - (MINGGAL DUNIA) : 137 JALAN DATUK SULAIMAN 3, TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: TAN GUANG CHEA - (MINGGAL DUNIA) : 18 LORONG JAMBU MADU 4, TAMAN JAMBU MADU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LO WOH PENG @ LOH EE PENG - 45013108**** : 19 JALAN IMPIAN 1, TAMAN IMPIAN, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MOHD LUTFI B NORDIN - 64020002**** : F505 KAMPUNG CHARUK PADANG 08200 SIK, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 4171 : TAN LAY PENG - 73090107**** : NO. 50 LORONG SENTUL 24, TAMAN SENTUL JAYA 14100 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 4180 : HARIZA BINTI ABDUL RAHIM - 75122107**** : NO 53 LORONG SRI DESA, KAMPUNG BESAR 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 4194 : MOHD RIZAL B MOHD SALLEH - 75070807**** : 1208 JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 4202 : MAZLI BIN ABDUL MALIK - 75053007**** : 10-2-6 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SAW HUNG CHEW - 0275*** : 502-G JALAN TANJONG BUNGAH 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG	Penjamin 1	: HABSHAH BTE HAJI TAIB - 60021407**** : B-165 JALAN MP 36, KAMPUNG MATANG PAGAR 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR	Penjamin 1	: FARIDAH BT M.SULTAN MYDIN - 53122907**** : 137 JALAN SURIA TIGA, TAMAN SURIA, TAIPING 34000 PERAK	Penjamin 1	: ABDUL MALIK BIN ISMAIL - 50120407**** : NO. 156 JALAN PERMAI 3, TAMAN DESA PERMAI 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2	: HOR YOU CHOI - 5854*** : B-5-6-14 LINTANG PAYA TERUBONG 3, DESA PERMATA, AIR ITAM 11060 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ISMAIL BIN OSMAN - 60072402**** : B-165 JALAN MP 36, KAMPUNG MATANG PAGAR 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR	Penjamin 2	: SHAHAR BANUN BT SULTAN MAYDIN - 59072507**** : 1208 JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: HALIMI B HAJI MOHAMED NOH - 62083006**** : 2A JALAN SUNGAI NIPAH 3, TAMAN GENTING EMAS, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 4244 : TOH KHENG HOOI - 73071107**** : NO 21 LEBUH BATU MAUNG 7, TAMAN SRI MEWAH 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 4248 : ROZANA BT ABDUL RAHMAN - 74072009**** : NO 39 LORONG 3, KAMPUNG GURU 01000 KANGAR, PERLIS	No Akaun Peminjam	: 4261 : MASLINA BTE MANSOR - 76093007**** : LOT 58 JALAN 17/141, KAMPUNG MALAYSIA TAMBAHAN 57100 SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 4264 : MOHD FIRDAUS BIN AHMAD - 75032307**** : NO. 40 & 42 JALAN WAWASAN 4, TAMAN WAWASAN JAYA 34200 PARTI BUNTAR, PERAK
Penjamin 1	: TOH YN CHEEN - 6255*** : 21 LEBUH BATU MAUNG 7, TAMAN SRI MEWAH, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: FITRIAH BT CHE PI @ HANAFI - 59041109**** : NO. 266 BAITUL FITRI, KM 4 JALAN SANTAN 01000 KANGAR, PERLIS	Penjamin 1	: HAMIDON BIN MOHAMAD - 57112207**** : NO. 446 JALAN 3/3, TAMAN RIA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 1	: MAT DALI BIN ISMAIL - 54051608**** : NO. 15 A BATU 4, SUNGAI DUNGUN, KUALA KURAU 34350 PERAK
Penjamin 2	: GOH KEK BENG - 5186*** : 21 LEBUH BATU MAUNG 7, TAMAN SRI MEWAH, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NORDIN BIN YAHYA - 57070409**** : NO. 19 LORONG BELIMBING, TAMAN SURIANI 01000 KANGAR, PERLIS	Penjamin 2	: YAHAYA MOHAMAD - 66111507**** : 287 JALAN HAJI MURSHID 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH	Penjamin 2	: ARSHAD BIN YOP - 43100307**** : 2A-18-06 MUTIARA IDAMAN, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 4265 : MOHD RADZI BIN SAMSUDIN - 75110107**** : 2A-8-2 MUTIARA IDAMAN 2, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 4300 : FAIZUL NIZAM BIN OSMAN - 76040807**** : NO. 23 JALAN MAWAR 12C, TAMAN MAWAR, BANDAR BARU SALAK TINGGI 43900 SEPANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 4369 : ABDUL RASHEED BIN NAGOORGANY - 74032907**** : 44 LORONG MAHSURI 4, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 4375 : CHUAH CHONG SIN - 74111807**** : B-4 TINGKAT 1 JALAN LENCONG BARAT, KAW PERINDUSTRIAN TANDOP BARU 05100 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1	: HALIJAH BINTI SAMSUDIN - 69110907**** : 216 MK H JALAN SUNGAI NIPAH, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: RAIMI BIN ISMAIL - 57030702**** : NO. 10 JALAN JAMBUL AIR 4/3B, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR	Penjamin 1	: MUHAMED ALI CADER B PEER MOHAMED - 70121007**** : A-11-12B MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH RAHMAT 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: TAN GUEK MOY - 61042302**** : NO. 260 JALAN KEMPAS INDAH 13, TAMAN KEMPAS 2, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2	: MOHD NAZRI BIN SAMSUDIN - 73021007**** : 216 MK H JALAN SUNGAI NIPAH, 11000 BALIK PULAU , PULAU PINANG	Penjamin 2	: FARIDAH BT OSMAN - 57052007**** : NO. 5 PERSIARAN SEKSYEN 5/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: MOHD IBRAHIM BIN MOHD ALI - (MINGGAL DUNIA) : 15B TRAMWAY 10460 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN YEOW SONG - 51080302**** : NO. 14 TINGKAT DAMAI 4, TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 4380 : MOHD SHARIZAL BIN NOOR - 75032107**** : 7147 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 4394 : SAW SHIH WEI - 75053107**** : 22 LORONG KURAU 19, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 4418 : TAN KUAN HOOI - 72060707**** : NO. 3 LORONG DESA PALMA 3, TAMAN DESA PALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 4427 : VIGNAESHWARY A/P RAJAHRAM - 74030507**** : 2 LORONG LANGSAT 6, TAMAN SEJATI, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: ROSSLI BIN YUSOFF - 58051408**** : 7132 BLOK J MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT, BAYAN LEPAS, 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: PANG KWANG HWA - 5930**** : 6-16 BLOCK A PANGSAPURI RIA, LEBOH KAMPUNG BENGKALI 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: TAN HOOI KHOON - 68062407**** : 18 LORONG JAMBUL MADU 4, TAMAN JAMBUL MADU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: PANKAJAKSHAN A/L V.GOPALAN - (MINGGAL DUNIA) : NO. 41 JALAN SL 6/1, BANDAR SUNGAI LONG 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 2	: MUHAMAD NOORDIN BIN SHEIK JEE - (MINGGAL DUNIA) : 704 PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: LIM KIM SOOI - 49092202**** : 1487 LORONG SELASIH 5/3, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: TAN CHEE HENG - 66011607**** : 14 LORONG BELIMBING 9, TAMAN BELIMBING 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ARASEYA@ANUSIA A/P KARUPAYA - 46092307**** : NO. 41 JALAN SL 6/1, BANDAR SUNGAI LONG 43000 KAJANG, SELANGOR

HAKMILIK  
KEKAL

**LUMINARI®**  
@HARBOUR PLACE

memperkenalkan

D R E A M  
3 1 1 3 5

G E T S  
2 1 1 1

R E A L  
3 1 2 1

DREAM IT. OWN IT. DOUBLE IT.

1 Okt  
31 Dis  
2018  
UNIT TERHAD

**RM2,000**  
UNTUK MEMILIKI  
RUMAH IDAMAN

**PERCUMA**  
DUTI SETEM MOT\*

**ANSURAN HARIAN**  
SERENDAH **RM39.99\***

**PERCUMA**  
SET KABINET DAPUR\*

\* Tertakluk kepada termo dan syarat



GALERI JUALAN HARBOUR PLACE

PJD Eastern Land Sdn Bhd (92843-H)  
(A subsidiary of OSK Property Holdings Berhad)  
Harbour Place Sales Gallery  
Lot 2449 & 2450, Jalan Chain Ferry,  
Seberang Perai Utara, 12100 Butterworth, Penang.

Pemaju: PJD Eastern Land Sdn Bhd (Anak Syarikat OSK Property Holdings Berhad). Alamat: Level 18, Plaza OSK, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Tel: 03-2162 1111. Fax: 03-2163 3336. No. lesen Pemaju: 8555-B/06/2019/02019/LJ. Tempoh Sah: 08/06/2018 - 07/06/2019. No. Permit Iklan & Jualan: 8555-B/06/2019/02019/P. Tempoh Sah: 08/06/2018 - 07/06/2019. Pegangan Tanah: Pegangan Bebas. Bebanan Tanah: PRB Bank Berhad. Nama Pemaju Perumahan: Luminari. Jenis Hartanah: Panggapur Sersiv. Tarikh Dijangkaan Siap: Mei 2020. Harga Jualan: (Minimum) RM492,800.00 (Maksima) RM916,800.00. Jumlah Unit: 462 unit. Bil. Unit: Jenis A: 205; Jenis B: 139; Jenis C: 59; Jenis D: 59. Kawasan Binaan: Jenis A (2 Bilik): 947kps, Jenis B (3 Bilik): 1,058kps, Jenis C (3 Bilik): 1,058kps, Jenis D (3 Bilik): 1,235kps. Kelulusan Pelan: Majlis Perbandaran Seberang Perai. No. Rujukan Pelan Bangunan: MPS/15/U24-1510/0739 BG. Kelasuan Binaan: 947 kaki persegi - 1,335 kaki persegi. % Diskaun untuk Bumiputera: Penafian. Maklumat ini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh digunakan sebagai sebahagian daripada tawaran ataupun kontrak. Segala petaisiran adalah gambaran artis sahaja. Semua ukuran adalah anggaran sahaja. Setiap langkah telah diambil dalam penyedian visual ini dan pemaju tidak bertanggungjawab bagi apa-apa ketepatan. Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada perubahan, pengubahsuaian dan pengantian sebagaimana dikehendaki oleh Pihak Berkewajibandan yang disyorkan oleh Arkitek atau Juruterba.

HUBUNGI ZULHEMI 017 510 5127

**5% DISKAUN**  
BUMIPUTERA

**OSK**  
PROPERTY



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.  
(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 4493	No Akaun Peminjam : 4494	No Akaun Peminjam : 4497	No Akaun Peminjam : 4518
Penjamin 1 : SOO CHEE ENG - 73012507****	Penjamin 1 : JALILATI BT CHE MAY - 74092202****	Penjamin 1 : TEH YEOW KEAH - 73120207****	Penjamin 1 : SITI RAHAYU BT RAMLI - 74101007****
Penjamin 1 : NO.15 GERBANG BATU MAUNG 1, TAMAN IPING, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1 : 53 KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : 3517 PEKELILING KENARI, TAMAN SENTOSA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1 : M7 BLOK BEGONIA, LENGKOK KELICAP, MUTIARA PERDANA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHOI SIT KHONG - 45031308****	Penjamin 1 : CHE CHAH BT OSMAN -(MINGGAL DUNIA)	Penjamin 1 : WANG SIAK KEONG - 69041902****	Penjamin 1 : SYED MUHAMMAD ISA BIN SYED HAMID - 56101308****
Penjamin 2 : BLK 294-6-09 JALAN PERAK 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2 : 34 LINTANG TENGGIRI, SEBERANG JAYA , 13700 PERAI	Penjamin 2 : 2522 MK 15 JALAN 4, KAMPUNG BAHRU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : KAMPUNG BAHRU, BOTA KANAN, BOTA 32600 PERAK
Penjamin 2 : TEH ENG SENG - 54030907****	Penjamin 2 : ZAINOL ABIDIN B HASSAN - (MINGGAL DUNIA)	Penjamin 2 : TEH CHOR KHIH - 51121007****	Penjamin 2 : MOHD NOR BIN KHAMIS - 70040301*** C-C-4-4 SPRING FIELD CONDO, LORONG KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NO. 3 JALAN CHEON TZE FATT 10100 PULAU PINANG	Penjamin 2 : 59 LORONG TUNA , SEBERANG JAYA, 13700 PERAI	Penjamin 2 : 671 JALAN PINTU SEPULUH 14300 NIBONG TEBAL, SPS	
No Akaun Peminjam : 4559	No Akaun Peminjam : 4563	No Akaun Peminjam : 4565	No Akaun Peminjam : 4567
Penjamin 1 : GOH TEIK BENG - 72030607****	Penjamin 1 : LEE YEN WOOI - 73021907****	Penjamin 1 : JAMES DOMINIC - 73061814****	Penjamin 1 : NOR HALIZA BINTI HUSSAIN - 64072608****
Penjamin 1 : 80 JALAN BUKIT KECIL, TAMAN BUKIT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : 15 LORONG SERI AROWANA 7, TAMAN SERI AROWARNA 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 1 : NO. 31 JALAN KASAWARI 2, TAMAN KASAWARI 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1 : 34 LORONG PAUH JAYA 4/4, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : SEAH CHEE LEONG - 52071007****	Penjamin 2 : LEE BAH KEAT - 48103007****	Penjamin 2 : S FRANCIS BANGIRAS - 45010304****	Penjamin 2 : DAUD BIN HASHIM - 62051707****
Penjamin 2 : NO. 1360 MUKIM 4, 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2 : NO. 11 PERSIARAN MURNI, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : NO.175 TAMAN DESA IMPIAN, 09000 KULIM, KEDAH,	Penjamin 2 : 2014 KAMPUNG TERUSURIN, KAMPUNG TOK BEDU 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : CHEAH KHOW KING - 43121307****	Penjamin 2 : HONG KIAN ENG - 50082907****	Penjamin 2 : JOYCE JAZMINE BANGIRAS - 72080507****	Penjamin 2 : SHAMSURI BIN YUSOFF - 66082807****
Penjamin 2 : 38 JALAN GOH CHONG THOE, TAMAN BUKIT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : 15 LORONG SERI AROWANA 7, TAMAN SERI AROWANA 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2 : NO.178 LORONG KENANGA 3, TAMAN DESA IMPIAN, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2 : BLOK 2F-1 PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 4596	No Akaun Peminjam : 4608	No Akaun Peminjam : 4622	No Akaun Peminjam : 4638
Penjamin 1 : CHIN GAN KEAT - 73091407****	Penjamin 1 : AFFINI BT MOHD HANIFFA - 76092409****	Penjamin 1 : PUNITHA A/P SUBRAMANIAM - 74101307****	Penjamin 1 : YEW KEAT SIN - 74100507****
Penjamin 1 : NO. 93 JALAN PULAU ANGSA U10/35, SEKSYEN U10, SHAH ALAM 40170 SELANGOR	Penjamin 1 : 1-9-7 PESIARAN PANTAI JERJAK, TAMAN MAS, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1 : 32 LORONG SENTUL 18, TAMAN SENTUL JAYA 14100 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : NO. 6 PERSIARAN MUHIBBAH, TAMAN B 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : CHIN SWEE MIN - (MINGGAL DUNIA)	Penjamin 2 : MOHD HANIFFA BIN S.A.MOHD YOUSOF - (MINGGAL DUNIA)	Penjamin 2 : ARMUGAM A/L RATNAM - 50093007****	Penjamin 2 : YEW KEAT LEE - 64021807****
Penjamin 2 : 153 JALAN HUTTON 10050 PULAU PINANG	Penjamin 2 : 406 MK 3 SUNGAI RUSA, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2 : 387 LORONG JATI 1/1, TAMAN JATI, KULIM 09000 KEDAH	Penjamin 2 : NO. 2 LORONG REMIA 7, TAMAN REMIA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LOO LIAN TEOONG - 66111807****	Penjamin 2 : AFFINAH BINTI MOHD HANIFFA - 72101707****	Penjamin 2 : P SAMY A/L PONUSAMY - 61071207****	Penjamin 2 : YEW KEAT SOO - 65080907****
Penjamin 2 : 37 JALAN TOKONG BATU, JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2 : 1B-15-10 MUTIARA IDAMAN 1, SOLOK TENGKU, JELUTONG, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2 : 6 LORONG KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI	Penjamin 2 : NO. 100 JALAN TAMBUN INDAH 1, TAMAN TAMBUN INDAH 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
No Akaun Peminjam : 4658	No Akaun Peminjam : 4686	No Akaun Peminjam : 4686	
Penjamin 1 : KOAY POH CHENG - 73121407****	Penjamin 1 : 5 SOLOK SUNGAI BATU 1, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1 : TEOH BEE YEEAN - 74010307****	
Penjamin 1 : 5 SOLOK SUNGAI BATU 1, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1 : 116 LEBUH NOORDIN 10300 PULAU PINANG	Penjamin 1 : BLOCK C12A-03 SUNNY VILLE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	
Penjamin 2 : KOAY CHEW KHENG - (MINGGAL DUNIA)	Penjamin 2 : CHAN MAN KIT @ FRANKIE CHAN - 72101707****	Penjamin 2 : TEOH ENG KEONG - 73052807****	
Penjamin 2 : 116 LEBUH NOORDIN 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2 : 316-6 JALAN BUKIT GAMBIER, TAMAN JADE VIEW, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2 : 28 PUNCAK BUKIT MUTIARA, 11200 TANJONG BUNGAH, PULAU PINANG	
Penjamin 2 : CHAN MAN KIT @ FRANKIE CHAN - 72101707****		Penjamin 2 : CHEE KIAN WAI - 73012807****	
		Penjamin 2 : 23-3-9 TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11600 AYER ITAM, PULAU PINANG	

# 5 kilang multinasional tandatangani IBR

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**BATU MAUNG** – Lima industri multinasional, *B. Braun Medical Industries, Intel Malaysia, Keysight Technologies, Motorola Solutions dan SilTerra Malaysia* yang bergabung di bawah Perikatan Integriti telah menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dalam usaha memastikan institusi masing-masing bersih daripada amalan rasuah atau salah guna kuasa.

Perikatan tersebut ditubuhkan pada 2016 sebagai komitmen memperjuangkan integriti dalam mewujudkan persekitaran perniagaan kondusif dan kelebihan daya saing global.

Naib Presiden Perolehan dan Bahan Global Keysight Technologies yang juga peneraju untuk persidangan tahun ini, Chan Keng Cheong berkata, objektif utama pengajuran berkaitan adalah untuk menyatupadukan pihak-pihak berkepentingan dari agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) serta industri.

“Perikatan ini dibentuk untuk bertindak sebagai satu bentuk suara kolektif bagi menegak dan mempromosikan integriti dalam komuniti persekitaran perniagaan.

“(Perikatan Integriti) kami juga telah membangunkan pelan tindakan strategik lima tahun iaitu dari 2018 hingga 2022 dengan matlamat untuk membina momentum, mewujudkan kehadiran jenama serta mengumpul para pemegang kepentingan utama untuk menyertainya,” ujarnya pada Persidangan Tahunan IBR 2018 yang diadakan di Intel PG16 baru-baru ini di sini.

Pada majlis itu, lebih daripada 280 tetamu industri berkenaan melafazkan ikrar IBR di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Presiden Transparency International Malaysia (TIM), Datuk Akhbar Satar.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato’ Loo Lee Lian, Datuk Isham Ishak (Setiausaha Agung Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri) dan kepimpinan tertinggi anggota Perikatan Integriti.

Kon Yeow semasa ucapannya menyatakan, inisiatif terbabit adalah seajar dengan agenda Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memacu integriti yang lebih baik di negeri ini.

“Komitmen bersama untuk menegakkan standard etika tertinggi dan integriti dalam komuniti perniagaan merupakan inisiatif terpuji yang layak mendapat sokongan pengiktirafan daripada pihak berkepentingan utama.

“Sektor awam dan swasta perlu terus memelihara tadbir urus korporat baik, ini kerana mempunyai produk atau perkhidmatan yang baik sahaja tidak memadai.



KETUA Menteri bersalaman dengan Akhbar Satar (kiri sekali) sambil diperhatikan Chan Keng Cheong (dua dari kiri) pada Persidangan Tahunan IBR 2018 di sini baru-baru ini.

“Kerajaan Negeri telah memimpin apabila kami menandatangani IBR pada bulan Ogos 2017. 10 langkah tambahan turut dimasukkan bersama-sama untuk mengukuhkan ikrar tersebut.

“Kami (Kerajaan Negeri) berharap usaha yang dijalankan selama ini untuk memupuk keyakinan para pelabur sedia ada dan prospek baharu akan terus membina masa depan mereka di Pulau Pinang,” jelasnya sambil menyatakan keyakinan beliau bahawa Pulau Pinang akan kekal menjadi hab

pertumbuhan berkembang maju yang didorong oleh ekonomi hijau, tadbir urus inovatif serta pembangunan mampan.

## 46 tahun Toray melabur di Pulau Pinang, wujudkan 3,500 peluang pekerjaan dihargai

**PERAI** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memenuhi jemputan Toray Penfabric Sdn. Bhd. (Toray Penfabric) untuk melawat kilang mereka di Taman Perindustrian Perai pada 4 Oktober lalu.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawan, Dato’ Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee, ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Penasihat Ekonomi Kepada Ketua Menteri merangkap Pengarah investPenang, Datuk Seri Lee Kah Choon dan Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato’ Loo Lee Lian turut serta rombongan kerja itu.

Selain dibawa melawat kawasan industri, delegasi berkenaan turut diberi taklimat mengenai sejarah dan rancangan pelaburan masa depan syarikat multinasional Kumpulan Toray, yang berpangkalan di negara Jepun.

Menurut Pengarah Urusan Penfabric, Teh Hock Soon, kain fabrik keluaran kilang tersebut mendapat permintaan menggalakkan di peringkat antarabangsa, sekaligus melonjak ‘jenama’ Pulau Pinang.

“Toray menyumbang kepada masyarakat melalui penciptaan nilai baru dengan idea, teknologi dan produk yang inovatif.

“Kami berusaha untuk mewujudkan produk serta teknologi yang meningkatkan keselamatan, dan kualiti kehidupan rakyat,” jelasnya.

Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Kumpulan Toray kerana setia melabur di Pulau Pinang sejak kira-kira 46 tahun lalu, yang ketika ini melalui 11 anak syarikatnya telah mewujudkan kira-kira 3,500 peluang pekerjaan di sini.

**TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0**

每日无免费塑胶袋 2.0

mulai 01 Mac 2017

自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.

霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快食店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

**Pendaftaran boleh dilakukan di:**

可在以下地点登记：

**Bahagian Pelesenan MBPP,**  
Dewan Bandaraya, Jalan Padang  
Kota Lama, 10200 Georgetown,  
Pulau Pinang.

槟岛市政厅执照部门

**Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran**  
Seberang Perai, Jalan PERDA Utama,  
Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang.

威省市政局一站式柜台

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程（Agenda Ekonomi Saksama，AES）计划来作为全州的除贫基金。



Sebarang Pertanyaan / 任何询问:

Bahagian Pelesenan, MBPP / 槟岛市政厅执照部: 04 - 263 8818  
Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局执照部: 04 - 549 7414

# Inisiatif ‘Satu Bayi, Satu Pokok’, ke arah bandar berdaya tahan dan huni

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Sebanyak 208 pokok berjaya ditanam kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersempena program ‘Taman Komuniti’ melalui konsep ‘Satu Bayi, Satu Pokok’.

Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud ketika ditemui berkata, pokok-pokok daripada spesies ‘*Manilkara Zapota*’ (ciku) dan ‘*Syzygium Aaqueum*’ (jambu air) ditanam sepanjang 1,100 meter dekat Parit Monson Jalan Perda Barat di sini.



SEBAHAGIAN kakitangan MPSP mengambil bahagian bersama-sama cahaya mata masing-masing.

“Program ini secara tidak langsung memberi impak positif terhadap peningkatan kualiti alam sekitar demi mencapai kualiti hidup lebih baik serta menggalakkan lagi aktiviti riadah selain mampu mengeratkan hubungan antara kakitangan MPSP dan orang ramai,” katanya yang berhasrat menjadikan kawasan berkenaan dikenali sebagai ‘Taman Komuniti Bandar Perda’.

Menurut Rozali, pokok-pokok berkenaan ditaja oleh semua 24 Ahli Majlis MPSP dengan kos keseluruhan sebanyak RM4,800 yang mana masing-masing menaja 10 batang pokok dengan setiap satu berharga RM20.

“Manakala, peserta yang terlibat pula adalah kakitangan MPSP iaitu seramai 208 orang yang mempunyai cahaya mata dilahirkan pada tahun 2017 sehingga Mac 2018,” katanya ketika merasmikan taman berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MPSP, David Marshel; Heng Yeh Shiu; Ketua-Ketua Jabatan, para pegawai serta komuniti setempat.

Dalam pada itu, Rozali dalam ucapannya turut menzhirkan rasa kecewa terhadap perbuatan tidak bertanggungjawab



SR. Rozali Mohamud (berkopiah) bersama-sama sebahagian kakitangan MPSP menyempurnakan Majlis Perasmian Program ‘Taman Komuniti’ Melalui Konsep ‘Satu Bayi, Satu Pokok’ di sini baru-baru ini.

sesetengah yang bertindak merosakkan kemudahan awam di taman-taman rekreasi milik MPSP.

“Perlakuan vandalism merupakan satu kesalahan jenayah yang mana jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun.

“Oleh itu, penduduk setempat dan pengunjung dinasihat untuk sama-sama

menjaga dan tidak merosakkan peralatan disediakan serta pokok-pokok yang ditanam supaya semua pihak dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini,” tegasnya.

Difahamkan, program ‘Taman Komuniti’ melalui konsep ‘Satu Bayi, Satu Pokok’ berkaitan merupakan salah satu pengisian dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 untuk mewujudkan bandar yang berdaya tahan serta berdaya huni.

## Hentikan pemanasan global, pelajar diseru menjadi perintis

**GEORGE TOWN** – Para pelajar terutamanya generasi muda diseru agar menjadi perintis kepada usaha membendung dan menghentikan kesan serta penyumbang kepada pemanasan global.

Seruan tersebut dilaungkan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang ketika menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Pulau di sini 10 Oktober lalu.

Katanya, bumi kini semakin tenat dan mengalami peningkatan suhu dari 1 hingga 2 darjah celsius yang menjadi punca kepada pemanasan global.

“Hari ini, populasi dunia berjumlah 7 bilion penduduk, apa yang menarik perhatian adalah kita perlu menjaga bumi ini dengan menghentikan perubahan iklim yang sedang melanda terutamanya isu pemanasan global.

“Kutub utara yang menerima kesan serta tempias ini menyebabkan ais semakin cair sehingga mengancam beberapa

spesies utama menjadi semakin pupus.

“Manusia cuma tiga peratus daripada keluasan bumi, namun kesan kerosakan yang kita bawa adalah amat besar,” jelas beliau pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Setiausaha bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; Ahli-ahli Majlis bagi MBPP; Eksekutif Program dan Projek Penang Green Council (PGC), R. Renuka serta wakil-wakil penaja.

Justeru, jika keadaan tersebut berterusan, Tung Seang menyatakan bahawa peningkatan suhu akan terus berlaku sebanyak 3 darjah celcius, dan ia akan mendorong kepada ancaman terhadap sumber makanan di bumi.

“Tuntas, pelajar-pelajar perlulah menjadi perintis dalam melawan fenomena pemanasan global kini demi masa depan yang lestari,” serunya.

Serentak itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Pulau Tikus dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Eng Shiuian diumumkan sebagai johan Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Pulau masing-masing bagi Kategori Sekolah Menengah serta Rendah.

Pihak-pihak berkaitan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM2,200, piala, sijil serta wang tunai RM300 sumbangan PGC.

Dua kategori lain yang turut dipertandingkan ialah Anugerah Khas dan Persembahan Terbaik.

Dalam pada itu, Pengetua SMK Convent Pulau Tikus, Khaw Juan Woon ketika ditemui memberitahu, kejayaan merangkul Anugerah Sekolah Hijau umumnya perlu bermula daripada kepimpinan atasan sekolah agar ia menjadi contoh kepada murid-murid.

“Mula-mula, saya sendiri yang buat projek-projek kehijauan di sekolah, selepas itu, cikgu-cikgu dan seterusnya murid-murid juga ikut

sama.

“Kami menggunakan wang daripada pertandingan lalu sebagai sumber seperti untuk membeli tanah, selain daripada duit jualan kitar semula.

“Selain itu, kami juga adakan pertandingan kitar semula dan memberi hadiah kepada pelajar berkaitan sebagai memupuk semangat pelajar untuk melibatkan diri dalam Anugerah Sekolah Hijau ini,” jelasnya kepada Buletin Mutiara selepas majlis berkenaan.



WAKIL-wakil sekolah SMK Convent Pulau Tikus berwefie bersama-sama Ar. Yew Tung Seang selepas diumumkan sebagai pemenang bagi Kategori Sekolah Menengah pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.

# Tiada alasan untuk rakyat enggan bersukan, beriadah – Timbalan Menteri Belia & Sukan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BERAPIT** – Sambutan Hari Sukan Negara yang disambut saban tahun pada hari Sabtu kedua bulan Oktober bertujuan menjadikan aktiviti bersukan sebagai sebahagian daripada gaya hidup sihat masa kini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Steven Sim Chee Keong berkata, melalui penganjuran Hari Sukan Negara, bukan sahaja komuniti melibatkan diri, malah agensi kerajaan berkaitan turut sama-sama menjayakannya.

“Tahun ini merupakan kali pertama Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) diadakan, dan saya lihat sejak 7 pagi, hampir 3,000 umum mula berkumpul di Stadium Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat sini.

“Malah, saya sendiri bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee, berlari sejauh lima kilometer sebagai tanda sokongan terhadap sambutan Hari Sukan Negara,” ujarnya ketika ditemui sejurus perasmian program berkaitan di sini 13 Oktober lalu.

Selain acara berlari, juga diadakan adalah acara

sukanaka, zumba dan berbasikal yang turut disertai kontinjen Ibu Pejabat Polis Trafik Daerah SPT.

Menurut Chee Keong, pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa menggalakkan agar program bersukan sebegini menjadi aktiviti yang melibatkan semua pihak tanpa mengira jantina dan kaum.

Malah, semangat untuk melakukan aktiviti bersukan ini, katanya harus dipupuk dalam melahirkan generasi yang sihat serta aktif.

“Tidak perlu pun untuk kita membeli peralatan bersukan yang mahal-mahal bagi melakukan aktiviti sukan dan riadah.

“Macam saya sendiri, saya berlari dengan memakai kasut yang dibeli di pekan Bukit Mertajam dengan harga RM7 sahaja...pun boleh berlari.

“Jadi tiada alasan untuk anda (rakyat) enggan bersukan atau beriadah kerana ia seharusnya dijadikan amalan untuk gaya hidup yang lebih sihat,” jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam.

Difahamkan, lebih 60,000 individu menyertai sambutan Hari Sukan Negara yang disambut pelbagai peringkat di Pulau Pinang.



**AKSI Steven Sim Chee Keong (tiga dari kanan) dan Heng Lee Lee (kiri sekali) ketika menyempurnakan larian lima kilometer bersempena penganjuran Hari Sukan Negara Peringkat SPT di sini baru-baru ini.**

## Harumkan nama negara, dua atlet negeri bakal terima insentif SKIMAS

### GEORGE TOWN

– Kejayaan dua atlet Pulau Pinang, Goh Jin Wei dan Amirul Hamizan Azahar mencapai kecemerlangan di temasya Olimpik Remaja 2018 baru-baru ini telah melayakkan mereka menerima Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS).

Atlet badminton, Jin Wei dan Amirul Hamizan (atlet hoki) berjaya mengharumkan nama negara serta negeri di temasya sukan berkenaan yang berlangsung dekat Buenos Aires, Argentina.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee ketika mengumumkan pemberian insentif berkenaan berkata, Kerajaan Negeri amat menghargai sumbangan para atlet yang telah berjaya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

“Sebagai tanda penghargaan, atlet yang berjaya ini akan diberikan insentif berbentuk kewangan di bawah SKIMAS... tarikh dan amaunnya akan diumumkan pada masa ditetapkan kelak,” ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An; Presiden Persatuan Badminton Pulau Pinang (PBPP), Leong Kin Weng dan ibu kepada Jin Wei, Loh Bee Sim.

Difahamkan, Jin Wei berjaya melakar sejarah baharu sebagai atlet pertama negara yang memenangi pingat emas bagi temasya Olimpik Remaja dan Kejohanan Remaja Dunia (Badminton) di Lima, Peru pada 2015.

Manakala, bagi sukan hoki, kejayaan



**SOON Lip Chee (tiga dari kanan) menyampaikan sejambak bunga kepada Goh Jian Wei sejurus tamat majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

dilakar apabila pasukan negara berjaya menumpaskan India 4-2 di Buenos Aires pada aksi final.

Pada sidang media sama, Lip Chee turut menyampaikan bayaran insuran masing-masing bernilai RM50,000 kepada wakil bekas jurulatih skuad berbasikal Sukan Malaysia (SUKMA) Pulau Pinang, Allahyarham Abdul Shukor Darus dan bekas atlet olahraga SUKMA Pulau Pinang, Allahyarham Izzali Ismi Ishak.

“Shukor maut akibat kemalangan jalan raya di Kilometer 115 Lebuh Raya Utara Selatan pada 17 Mei 2017 ketika dalam perjalanan pulang ke rumah di Sungai Petani selepas tamat latihan dekat MSNPP, Batu Uban.

“Manakala arwah Izzali meninggal dunia pada 19 September 2017 di Jalan Bukit Gambir semasa beliau dalam perjalanan ke latihan,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Setiausaha Persatuan Berbasikal Pulau Pinang, Munir Mohd. Ismail hadir mewakili keluarga Allahyarham Shukor, manakala bapa kepada Allahyarham Izzali, Ishak Che Long hadir sendiri menerima bayaran tersebut.

## Pulau Pinang cadang naikkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun- Exco

**SEBERANG JAYA** – Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan had umur perkahwinan daripada 16 tahun ketika ini kepada 18 tahun tidak lama lagi, kata Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama selain Islam, Chong Eng.

Menurutnya, cadangan bagi pindaan menaikkan had umur berkaitan akan dilaksanakan menjelang pertengahan tahun hadapan.

“Perdana Menteri (Tun Dr. Mahathir Mohamad) pernah menyuarakan agar setiap negeri menaikkan had umur perkahwinan secara serentak, dan kita (Pulau Pinang) telah membincangkan perkara ini di dalam mesyuarat Exco sebelum ini.

“Saya akan membentangkan usul ini (pindaan) dalam persidangan DUN tidak lama lagi dan diharapkan ia akan diterima,” katanya pada penganjuran Forum Perkahwinan Bawah Umur: Apa Kata Profesional di sini 20 Oktober lalu.

Forum selama tiga jam tersebut turut menampilkan empat panelis iaitu Mufti Pulau Pinang, Dato’ Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Dr. Zasmani Shafiee (pakar psikologi kanak-kanak); Ahmad Munawir Abdul Aziz (peguam) serta Syed Azmi Alhabshi (aktivis masyarakat).

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan, P.

Kasthuriraani; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; Goh Choon Aik (ADUN Bukit Tambun); Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP dan ramai lagi.

Mengulas lanjut, Chong Eng menyatakan bahawa berdasarkan statistik terkini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), perkahwinan bawah umur masyarakat Islam mencecah 10,000 kes dan bukan Islam (4,999 kes) dalam tempoh tahun 2007 sehingga 2017.

“Statistik ini membuktikan bahawa perkahwinan bawah umur adalah isu nasional dan bukan sahaja spesifik kepada masyarakat Islam semata-mata.

“Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak khususnya badan-badan kebajikan dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) supaya lebih peka serta prihatin terhadap isu-isu ini,” serunya.

Dalam pada itu, Wan Salim memberitahu, cadangan menaikkan had umur perkahwinan adalah terletak sepenuhnya kepada keputusan pihak kerajaan.

“Jika kerajaan rasa had umur 16 tahun tak sesuai lagi mengikut situasi semasa maka tiada masalah untuk tetapkan had umur yang lebih sesuai.

“Tindakan pemerintah perlu melihat sejauh mana ia membawa kepentingan kepada rakyat,” jelas beliau.



**CHONG Eng (barisan pertama, tiga dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil penganjur dan para peserta bergambar kenangan pada penganjuran Forum Perkahwinan Bawah Umur: Apa Kata Profesional di sini baru-baru ini.**

# Penduduk sambut seruan MPSP, anjur plogging



KOMUNITI setempat bertungkus-lumus menjayakan penganjuran plogging dekat Taman Pauh Jaya Fasa 6 di sini baru-baru ini.



PARA peserta dan wakil-wakil penganjur bergambar kenangan.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **MPSP**

**SEBERANG JAYA** – Aktiviti plogging atau acara berlari sambil mengutip sampah yang cuba dipopularkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak 10 Jun lepas nampaknya kian mendapat sambutan komuniti penduduk di sini.

Terbaru, hampir 150 komuniti penduduk Taman Pauh Jaya Fasa 6 menganjurkan aktiviti plogging di kawasan tanah lapang dengan keluasan lebih 2 ekar pada 14 Oktober 2018.

Selain plogging, menurut sumber, para peserta dan kakitangan MPSP sendiri turut melakukan kerja-kerja landskap serta pembersihan semaksamun di ini.

“Penduduk sekitar amat berharap kawasan lapang di sini dapat dinaik taraf segera dengan pelbagai kemudahan yang sesuai,” jelas wakil penganjur acara plogging menerusi e-mel kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Difahamkan, plogging atau jogging sambil kutip sampah terutama plastik bermula pada tahun 2016 di Sweden, dan dibawa ke tanah air ini tahun ini.

Kali pertama aktiviti plogging dipopularkan oleh MPSP sendiri, adalah dalam satu program rasmi anjuran pihak berkuasa tempatan (PBT)

berkenaan di Taman Tunku Seberang Jaya 10 Jun lepas.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri yang merasmikan program tersebut.

Menurut Rozali, tujuan plogging adalah demi memastikan plastik pakai buang yang dihanyutkan tidak menjadi makanan serta punca ancaman kepada habitat laut dan sungai.

Tambahnya, mengikut rekod statistik global berwajib, Malaysia di kedudukan kelapan daripada segi negara yang mengotorkan laut.

“(China) menghasilkan plastik sebanyak 8.8 juta tan matrik jenis plastik yang tidak dikutip dan daripada jumlah itu, sebanyak 3.53 juta tan matrik pergi ke laut.

“Malaysia pula pada tahun

2010, sejumlah 0.90 juta tan matrik tidak dikutip, dan daripada jumlah itu 0.34 juta tan matrik dihanyutkan ke laut.

“Walaupun MPSP mengutip sampah di kawasan Seberang Perai, masih ada sampah terutama jenis plastik yang tidak dikutip dan akhirnya dihanyutkan ke laut.

“Kerana masih ada pihak

membuang plastik di merata-rata tempat tanpa menghiraukan plastik ini akan dihanyutkan ke laut, sebenarnya perbuatan kita itu sebenarnya mengancam nyawa habitat laut.

“Sebab itu pentingnya plogging ini, kita nak jadi negeri hijau pertama negara dan meningkatkan kualiti hidup rakyat,” ujar beliau.

**BANDAR CASSIA, BATU KAWAN**  
**Hijau**  
E-KOMUNITI

**HARGA JUALAN**  
**RM168,000-**  
**RM220,000**

**KELUASAN RUMAH :**  
900 – 1000 kaki persegi

**CCC**  
diperolehi

**04 - 613 9999**  
**04 - 505 0001**

**KINI ANDA**  
**MAMPU**  
[www.pmm.gov.my](http://www.pmm.gov.my)

**dua**  
**RESIDENSI**  
TELUK KUMBAR

**HARGA JUALAN**  
**RM200,000-**  
**RM250,000**

**KELUASAN RUMAH :**  
850 – 1000 kaki persegi

Kini dibuka kepada orang ramai.\*

Dua Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. lesen pemaju/pemerkasaan: 8924-5/10-2018/0803(L) Tempoh Sah: 18/10/2016 – 17/10/2018 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-5/10-2018/0863(P) | Tempoh Sah: 18/10/2016 – 17/10/2018 | Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Petan Bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | Nombor Roykatan Petan Bangunan: MPSP/DSC/98/6163/130/8 | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 18/12/2158) | Tarikh Dijangka Siag: Disember 2018 | Bebanan: Tiada | Jumlah Unit: 694 unit | Harga Iklan: RM72,300 (Min) – RM330,000 (Maks)

Jiran Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. lesen pemaju/pemerkasaan: 8924-6/11-2018/0984(L) | Tempoh Sah: 19/11/2017 – 17/11/2018 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-6/11-2018/0954(P) | Tempoh Sah: 18/11/2017 – 17/11/2018 | Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Petan Bangunan: MPSP/D/20/24/36 | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 23/11/2158) | Tarikh Dijangka Siag: Mac 2018 | Bebanan: Tiada | Jumlah Unit: 707 unit | Harga Iklan: RM72,500 (Min) – RM250,000 (Maks)

\* Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberikan ini tidak boleh dipindah milik, dicagar, pajak atau pajak semula dengan apa-apa urusan selalui diuruskan tanpa kebenaran tertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri

- Huraian ciri-ciri di dalam ini adalah cadangan sahaja serta semua ilustrasi dan gambar adalah gambaran artis sahaja dan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak pemaju atau sebagaimana yang dinasihatkan oleh pakar-pakar perunding atau diperlukan oleh pihak berkuasa.

- Sila rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang tetap diluluskan oleh pihak berkuasa dan unit sebenar akan dibina dengan sewajarnya.



**Perumahan**  
**Mampu Milik**  
*Horizon Bakar*

# Pemeriksaan mengejut demi pastikan prestasi terbaik, projek patuhi garis masa

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH  
NOORAZIS**

**BAGAN DALAM** – Projek pembinaan rumah mampu milik (RMM), Jiran Residensi dekat Kampung Jawa di sini berada pada prestasi terbaik dan dijangka menerima Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) seawal pertengahan tahun hadapan.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, projek yang hampir siap itu berada dalam prestasi terbaik serta mematuhi garis masa yang telah ditetapkan.

“Sesi pemeriksaan mengejut di tapak pembinaan ini (Jiran Residensi) dilakukan untuk memastikan projek rumah mampu milik (RMM) terutamanya yang disediakan Kerajaan Negeri adalah mematuhi garis masa ditetapkan, dan saya mendapat prestasi pembinaan projek ini baik sekali.

“Saya selalu mengingatkan kepada pemaju bahawa cabaran terbesar dihadapi sektor perumahan adalah kadar penolakan pinjaman perumahan oleh bank-bank begitu tinggi terutama bagi pemilikan rumah pertama.

“Namun begitu, saya gembira apabila dimaklumkan bahawa rumah kategori kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) bagi projek ini hampir semuanya berjaya dijual, manakala rumah mampu milik (RMM) pula separuh daripadanya telah terjual,” katanya pada sesi lawatan ke tapak projek pada 24 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Soon Lip Chee (Exco Belia dan Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal); M. Satees (ADUN Bagan Dalam) serta wakil daripada Perbadanan Pembangunan Pulau

Pinang (PDC).

Difahamkan, Jiran Residensi merupakan salah satu daripada lima projek rumah mampu milik (RMM) dilaksanakan Kerajaan Negeri melalui PDC yang terdiri daripada 353 unit rumah KR dan RMM (354).

Harga yang ditawarkan adalah bermula RM72,500 seunit bagi KR dan maksimum RM250,000 (RMM).

Mengulas lanjut, Jagdeep menjelaskan bahawa pemeriksaan mengejut atau ‘spot check’ bukan sahaja dilakukan terhadap projek RMM Kerajaan Negeri, malah turut melibatkan projek-projek perumahan swasta.

“Hal ini kerana semua unit rumah mampu milik (RMM) yang sudah dibina, sedang dibina dan akan dibina mencapai hampir 80,000 unit termasuk oleh kerajaan dan pihak swasta yang memerlukan pemantauan, justeru sebagai Exco Perumahan, saya akan terus melakukan pemeriksaan mengejut seperti ini.

“Oleh itu, saya menyeru kepada pihak pemaju swasta untuk menyokong usaha dan inisiatif dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam menyediakan rumah mampu milik (RMM) yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan demi manfaat penduduk di negeri ini,” ujar beliau.



JAGDEEP Singh Deo (tengah), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil PDC serta pemaju bergambar kenangan berlatar belakangan projek RMM Jiran Residensi di sini baru-baru ini.

## SUKMA Johor 2020, Exco harap MSNPP dan persatuan sukan akan lebih fokus

**GEORGE TOWN** – Sukan judo, renang, karate dan gimnastik artistik merupakan sukan paling menyerlah pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-19 Perak 2018, ujar Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Menurutnya, secara keseluruhan, empat sukan terbabit telah menyumbang sebanyak 21 pingat emas bersamaan 65.6 peratus daripada keseluruhan 32 pingat emas yang telah diraih kontinen Pulau Pinang.

“Antara faktor-faktor yang telah memainkan peranan penting dalam pencapaian keempat-empat sukan ini antaranya ialah keberkesanannya implementasi pengurusan dan pemantauan oleh jurulatih serta pegawai MSNPP (Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang).

“Juga, pendedahan atlet di dalam kejohanan dan latihan pada peringkat antarabangsa seperti sukan karate dan judo. Program serta pembangunan yang berterusan dan berkesan oleh persatuan juga memainkan peranan penting.

“Dan... pastinya kerjasama padu dan mantap melalui program serta perkhidmatan sains sukan dan sains perubatan di bawah ISN (Institut Sukan Negara) Zon Utara serta MSNPP,” jelas beliau yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah MSNPP, Frederick Tan Teck An.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu, sukan-sukan yang tidak berjaya menyumbang sebarang pingat emas pada kejohanan SUKMA 2018 perlu dipertingkatkan seperti sukan olahraga, angkat berat, menembak, berbasikal, taekwondo dan pelayaran.

“Pada hematnya, sebab utama sukan-



SOON Lip Chee.

sukan tersebut gagal memperoleh pingat emas adalah dipercayai kerana kelemahan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan jangka masa panjang oleh pihak-pihak berkaitan.

“Ini telah menyebabkan kekurangan atlet yang layak dan mempunyai daya saing untuk bertanding di semua acara yang dipertandingkan berbanding dengan sukan-sukan menyerlah, justeru tahap komitmen para atlet serta jurulatih boleh diperbaiki,” jelas.

Bagi menghadapi SUKMA Ke-20 di Johor pada tahun 2020, Lip Chee berharap pihak MSNPP serta persatuan-persatuan sukan akan lebih fokus.

“Ingin ditekankan bahawa walaupun pencapaian kutipan pingat emas Kontinen Pulau Pinang pada SUKMA lalu agak memuaskan, tetapi saya percaya banyak lagi yang boleh kita lakukan untuk memperbaiki kualiti atlet sukan Pulau Pinang,” seru beliau.



RUPA bentuk projek RMM Jiran Residensi.

# Tanam 100,000 pokok teduh, bagaikan ada ‘kanopi hijau’

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : ALISSALA THIAN

**SUNGAI PINANG** - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal menggandakan program penanaman pokok di negeri ini, dengan sasaran 100,000 anak pokok dalam tempoh 12 tahun sehingga 2030 sebagai menyahut wawasan Penang2030 yang digagaskan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang memberitahu, sejak tahun 2008 hingga September 2018, sejumlah 363,676 anak pokok berjaya ditanam di bahagian pulau sahaja.

Jelasnya, Pulau Pinang mesti lebih hijau sungguhpun dihambat dengan pelbagai projek pembinaan dan perindustrian.

"MBPP akan melaksanakan satu pertiga daripada sasaran (100,000 anak pokok), MPSP satu pertiga lagi dan satu pertiga oleh Jabatan Perhutanan Pulau Pinang.

"Pokok-pokok yang kita (MBPP) tanam adalah pokok Hujan-hujan yang akan memberi teduhan kepada kita, kerana ia akan tumbuh menjadi bentuk seperti 'kanopi,' ujar beliau dalam Program Lanskap dan Menanam 11 Batang Pokok Teduh di tebing Sungai Pinang dekat Jalan S.P. Chelliah pada 7 Oktober 2018.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, ADUN Komtar, Teh Lai Heng serta beberapa lagi pegawai MBPP turut mengambil bahagian dalam acara



SUASANA di tebing Sungai Pinang berlatarbelakangkan projek perumahan S.P. Chelliah.

menanam pokok Hujan-hujan (*Samanea saman*) di sini.

Demi rakyat, jelas Tung Seang, MBPP akan saling bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri untuk kerja-kerja pengindahan kawasan tanah rizab sungai berkenaan, seperti projek lanskap, trek jogging, laluan khas berbasikal serta beberapa lagi kemudahan awam lain.

Justeru, beliau menyatakan bahawa MBPP memerlukan partiisipasi sektor swasta serta sokongan penduduk tempatan dalam memelihara serta memulihara semula Sungai Pinang agar menjadi kawasan rekreasi menarik, seperti di bandar-bandar terkemuka dunia.



AR. Yew Tung Seang (kanan sekali), Lim Siew Khim (kiri sekali), Teh Lai Heng (berbaju putih) dan beberapa Ahli Majlis MBPP ketika menjayakan Program Lanskap dan Menanam 11 Batang Pokok Teduh dekat tebing Sungai Pinang, Jalan S.P. Chelliah di sini baru-baru ini.

## Pendidikan dan pemandulan langkah jangka panjang tangani haiwan terbiar

**JAWI** - Sebagai langkah mengawal populasi haiwan terbiar yang memungkinkan terjadinya penularan penyakit, satu Program Pemandulan Anjing dan Pendidikan Haiwan Kesayangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Bersama-sama Komuniti serta NGO (badan bukan kerajaan) digembleng baru-baru ini.

Program anjuran MPSP, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP), SPCA Pulau Pinang dan pihak swasta tersebut diadakan dekat Taman Berjaya, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS) dari jam 8:30 pagi hingga 1 petang sambil diselia Ahli Majlis MPSP, Heng Yeh Shiuian.

"Sebagai makluman, isu anjing terbiar masih kritikal yang mana sehingga September 2018, sebanyak 1,223 aduan (berkenaan anjing liar) diterima MPSP.

"Sebagai langkah proaktif, MPSP telah menjalankan operasi tangkapan setiap hari dan sehingga September tahun ini, sebanyak 2,474 ekor anjing berjaya ditangkap.

"Namun begitu, operasi tangkapan ini merupakan langkah jangka pendek bagi menyelesaikan masalah anjing terbiar, sebaliknya langkah jangka panjang yang dirangka adalah dengan mengadakan program pendidikan sebagaimana diatur ini," ucap Yeh Shiuian pada program tersebut di sini 21 Oktober lalu.

Menurut beliau, lambakan anjing terbiar kini adalah ekoran sikap tidak bertanggungjawab pemilik yang bertindak membuang haiwan



WAKIL-wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang yang mengambil bahagian dalam penganjuran Program Pemandulan Anjing dan Pendidikan Haiwan Kesayangan di sini baru-baru ini.

peliharaan masing-masing dengan sewenang-wenangnya apabila tidak lagi berminat membela ia.

"Haiwan berkenaan kemudiannya membiak tanpa kawalan dengan bilangan yang banyak, justeru, adalah penting untuk mendidik masyarakat berhubung pemeliharaan haiwan kesayangan, dan pada masa sama memandulkan haiwan peliharaan supaya populasi anjing serta kucing jalanan menurun ke tahap minimum yang boleh dikawal," serunya.

Pada penganjuran tersebut, pemilik-pemilik haiwan diberikan harga istimewa untuk menjalankan proses pemandulan haiwan serta mendapatkan suntikan vaksin.

Selain program pendidikan dan tatacara menjaga haiwan, hadirin turut berpeluang mengambil kucing atau anjing sebagai haiwan angkat daripada SPCA Pulau Pinang.

## Lebih sistematik, PSS Jalan Phee Choon tempatkan 10 penjaja

**GEORGE TOWN** - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersetuju mewujudkan tapak penjaja statik sementara (PSS) dekat Jalan Phee Choon di sini bagi menempatkan 10 penjaja secara lebih sistematik.

Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng berkata, enam penjaja sedia ada dan baharu (4) ditempatkan di kawasan tersebut bermula Oktober 2018.

"Lebuh Tamil kini merupakan laluan utama menghubungkan loading bay, dan merupakan satu-satunya jalan untuk masuk serta keluar dari parkir bertingkat Pasar Chowrasta.

"Jadi, pihak MBPP terpaksa mengosongkan jalan ini daripada sebarang aktiviti penjaja yang mana sebelum ini perniagaan dijalankan di atas laluan pejalan kaki.

"Justeru, MBPP telah mengenal pasti lokasi strategik di Jalan Phee Choon (berhampiran Ibu Pejabat Polis Kontinen Jalan Penang, IPK) bagi menempatkan semua perniagaan.

"Kami (MBPP) mengalu-alukan mereka ke sana memandangkan ia lebih selesa, mudah, sesuai dan selamat," ujarnya pada sidang media sambil menyatakan bahawa yuran bulanan yang dikenakan ekoran pemindahan berkaitan adalah berjumlah RM45.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Difahamkan, dua penjaja di Lebuh Tamil iaitu ais tingkap dan pasembur mula beroperasi di PSS baharu bermula Oktober 2018 iaitu dari jam 11 pagi hingga 7 malam.



WONG Yuee Harng.

Mengulas lanjut berhubung inisiatif tersebut, Yuee Harng yang juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP memberitahu, premis perniagaan di Jalan Phee Choon adalah lebih sistematik kerana penjaja perlu mengosongkan dan mengemas segala peralatan perniagaan selepas tamat waktu perniagaan.

"Selepas tamat saja waktu perniagaan yang telah dipersetujui, penjaja ini perlu mengemas dan meletakkan secara elok kerusi, meja serta kanopi untuk mengosongkan kawasan tersebut.

"Malah, saya juga mendapat maklum balas daripada penjaja sedia ada yang sebelum ini enggan berpindah, berpendapat bahawa mereka kini lebih gembira kerana perniagaan di Jalan Phee Choon adalah jauh menguntungkan," jelasnya.

# Kempen Kitar Semula demi terap falsafah 5R dalam kalangan pelajar

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

**GEORGE TOWN** – Sebanyak 151.62 tan metrik bahan kitar semula berjaya dikumpul bersempena Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan syarikat Fraser & Neave Holdings Bhd. (F&N) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang serta Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd. baru-baru ini.

Jumlah tersebut direalisasikan menerusi penglibatan 109 sekolah iaitu 37 prasekolah, sekolah rendah (49) dan sekolah menengah (23) yang mengambil bahagian dalam penganjuran memasuki edisi ketujuh tahun ini.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, pertandingan tersebut bertujuan mendidik dengan menerapkan falsafah 5R iaitu, *Reduce* (Kurangkan), *Reuse* (Guna Semula), *Recycle* (Kitar Semula), *Rethink* (Fikir Semula) dan *Reinvent* (Cipta Semula) dalam kalangan pelajar di negeri ini.

Malah katanya, amalan kitar semula merupakan peringkat yang sangat penting dan kritis dalam mencapai matlamat keberkesanan dari segi pengurusan serta pengurangan sisa pepejal pada masa hadapan.



PARA pemenang dan peserta bergambar kenangan sejurus berakhirnya Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadian Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2018 di sini baru-baru ini.

“Usaha murni warga sekolah berjaya menghasilkan peningkatan sebanyak 7.12 tan metrik bahan kitar semula berbanding 144.50 tan metrik yang berjaya dikumpul pada tahun lepas.

“Keberkesanan program sebegini dalam semua jenis sisa dan peringkat masyarakat dapat menjimatkan kos pengurusan sisa

pepejal dan meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan sampah,” ucapnya pada Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2018 di sini 10 Oktober lalu.

Berucap sebelum itu, Pengurus Hal Ehwal Korporat F&N, Cariesa Goh menyatakan bahawa pihaknya komited untuk

menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan anak-anak muda supaya mereka mencintai dan menghormati alam sekitar pada masa akan datang.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Ahli-Ahli Majlis bagi MBPP; Ketua Sektor Pengurusan Kemanusiaan JPNPP, Ismail Said; Pengurus Ekonomi Serantau Asia Selatan, Asia Timur dan Oceania, Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd., Terrynz Tan, guru-guru serta para pelajar.

Difahamkan, pertandingan yang berlangsung sejak 1 Januari hingga 30 September lalu terbahagi kepada tiga kategori iaitu, prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Sekolah Kebangsaan (SK) Balik Pulau menjadi juara bertahan bagi kategori prasekolah dengan kutipan 64.7 kilogram (kg). Manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Min dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Pulau Tikus masing-masing mengungguli kategori sekolah rendah dan menengah.

Empat anugerah khas juga disampaikan kepada sekolah-sekolah yang mengumpul aluminium, plastik, e-sampah dan kotak minuman paling banyak.

## Bajet MPSP 2019: RM38.31 juta untuk tingkat mutu kemudahan awam, untungkan penjaja

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) percaya bahawa RM38.31 juta peruntukan bagi tahun 2019 untuk menambah baik kualiti kemudahan infrastruktur awam di seluruh Seberang Perai, bakal meningkatkan lagi taraf hidup rakyat terutama golongan penjaja.

Yang di-Pertua, Dato' Sr. Rozali Mohamud menyatakan bahawa peruntukan itu adalah meliputi kerja-kerja penarafan serta penyelenggaraan semua premis MPSP iaitu 31 pasar awam, kompleks makanan (66) dan kiosk (14) di seluruh Seberang Perai, dengan ruang niaga berjumlah 5,485 unit.

“(Bajet Tahun 2019 MPSP) ini akan memberi peluang kepada penjaja berniaga di premis yang teratur, selesa dan bersih serta dapat meningkatkan imej penjaja-penjaja berkenaan.

“Bagi menggalakkan pembangunan penjaja, pengusaha dan peniaga kecil di Seberang Perai, sejumlah RM1.5 juta diperuntukan untuk penyelenggaran pasar-pasar awam dan kemudahan kompleks makanan,” katanya ketika membentangkan Bajet Tahun 2019 di sini 25 September lalu.

Menurut Rozali, dalam belanjawan berkaitan juga turut memperuntukkan RM3 juta untuk bayaran bil elektrik, bil air (RM1.1 juta) dan bil pembentungan Indah Water Konsortium (IWK, RM0.2 juta).

“Oleh itu, semua peniaga diminta untuk membantu MPSP agar pembaziran penggunaan air dan elektrik dapat dielakkan.

“Segala perbelanjaan MPSP ini adalah bentuk pulangan MPSP kepada semua pihak berkepentingan terutama penjaja, pengusaha dan peniaga kecil yang terus bertanggungjawab membayar cukai-cukai kepada MPSP,” ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali menyatakan bahawa seperti tahun-tahun terdahulu, menyaksikan 71 peratus atau kira-kira RM191.54 juta daripada kutip cukai taksiran merupakan penyumbang utama pada pendapatan keseluruhan MPSP.

“Bagaimanapun, kutipan hasil cukai ini hanya berjaya dicapai sekiranya 100 peratus pembayar cukai menjelaskannya,” jelasnya.

## Temasya Bagan@Butterworth Art Walk ketengah konsep mesra keluarga dan santai ilmu

**PERAI** – Temasya Bagan@ Butterworth Art Walk yang diinspirasikan menerusi program *Car Free Evening* menjadi salah satu platform kepada komuniti bagi mengetengahkan konsep mesra keluarga serta santai ilmu dengan menyajikan pelbagai komponen kesedaran dan pembelajaran sama ada dari segi budaya maupun warisan tempatan.

Penganjuran berkaitan dirasmikan dengan jayanya pada 13 Oktober lalu oleh Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Dianjurkan dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan Zart Eventive, program berkaitan akan diadakan pada setiap Sabtu ketiga bermula Oktober 2018 sehingga Disember 2019 di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth di sini.

Difahamkan, sambutan setiap bulan itu akan memaparkan tema tertentu seperti Deepavali, Hari Natal, Tahun Baru dan sebagainya.

Menurut Rozali, penganjuran temasya berkenaan juga adalah selaras dengan matlamat MPSP dalam menjadikan Seberang Perai sebagai bandar rendah karbon dan pintar menjelang 2022.

“(Hubungan kerjasama) rakan strategik ini adalah amat penting bagi kita (MPSP) untuk menjayakan sesuatu perancangan.

“Pihak MPSP amat mengalukan barisan rakan yang berkemahiran untuk tampil ke MPSP bagi membuka kawasan seni ini dengan lebih banyak pengisian, dan diharap ia mampu meremajakan semula bandar Butterworth ke arah bandar berdaya huni di Pulau Pinang,” ucapnya pada majlis perasmian penganjuran berkaitan di sini.



M. Satees (berbaju batik hijau) dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) bergambar kenangan bersama-sama para peserta cilik yang mengambil bahagian dalam pertandingan mewarna Temasya Bagan@Butterworth Art Walk di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees.

Selain bengkel kraf dan muzik, turut diadakan bersempena temasya tersebut ialah *car boot sale*, persembahan pentas, pasar bergerak FAMA, Art Market, Art Kiddo, makan sakan dan pemeriksaan gigi percuma.

Dalam pada itu, Rozali turut menyatakan hasrat MPSP dalam meremajakan semula bandar Butterworth, iaitu dengan memperkenalkan *Smart Consumption Model 8R* (*rethink, refuse, reduce, re-use, repair, re-gift, recover and recycle*) yang mana intipatinya adalah untuk memaksimumkan kitar semula, meminimumkan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh dikitar semula, dibaiaki, dikitar serta dikomposkan.

# Sayangi Malaysiaku Fun Walk erat silaturahim

Oleh : YUSNINA MOHAMAD  
YUSOF  
Gambar : ADUN

**PULAU BETONG** — Lebih 700 peserta mengambil bahagian dalam acara jalan ria, Sayangi Malaysiaku Fun Walk 2018 sejauh lima kilometer anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong 14 Oktober lalu.

ADUNnya, Mohd. Tuah Ismail ketika ditemui berkata, beliau teruja melihat penyertaan yang

begitu ramai dalam acara yang diadakan di Kem PLKN White Resort dekat Kampung Genting di sini.

“Menerusi program ini, kita dapat lihat ramai hadir mengambil bahagian dalam hampir semua aktiviti yang diatur tanpa mengira peringkat usia dan jantina.

“Saya berharap program riadah santai seperti ini dapat dianjurkan selalu kerana ia mampu mengeratkan lagi hubungan antara penduduk bukan sahaja di Pulau Betong, malah juga Balik



MOHD. TUAH ISMAIL (BERTOPI HITAM) DAN MUHAMMAD BAKHTIAR (BERTOPI PUTIH) MEMULAKAN LARIAN RIA BERSAMA-SAMA PADA SAYANGI MALAYSIAKU FUN WALK 2018 DI SINI BARU-BARU INI.

Pulau amnya,” katanya pada pengajuran berkaitan.

Turut senada, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik yang hadir menyempurnakan pelepasan acara berkaitan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau yakin bahawa acara penuh pengisian itu dapat mengeratkan

lagi silaturahim dalam kalangan masyarakat setempat sejarah dengan wawasan digagaskan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melalui Visi Pulau Pinang 2030.

Selain jalan ria, turut diadakan pertunjukan paragliding, flying fox, senamrobiik dan cabutan bertuah.



AKSI sebahagian peserta.

## Hayati sejarah dalam memupuk semangat cintakan negara

### BAGAN DALAM

Keputusan Kerajaan Persekutuan meletakkan subjek Sejarah sebagai mata pelajaran wajib di sekolah adalah bertepatan dalam memupuk semangat cintakan negara, saran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees.

Bagaimanapun katanya, mata pelajaran Sejarah tidak harus dilihat hanya sebagai syarat lulus peperiksaan semata-mata, sebaliknya perlu dihayati dengan lebih mendalam demi perkembangan generasi akan datang.

“Sejarah adalah mata pelajaran yang penting bukan hanya semata-mata wajib lulus untuk mendapatkan sijil SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), malah perlu dihayati dan mengambil pengajaran isi yang terkandung di dalamnya.

“Sejak 10 tahun lepas, golongan muda dilihat begitu kurang menghayati sejarah sedangkan jika dilihat kepada tamadun-tamadun hebat dunia seperti Mesopotamia, Mahenjo Daro (Lembah Indus), Tamadun Cina dan sebagainya terus kekal disebut sehingga hari ini kerana mereka mempunyai rekod sejarah.

“Oleh itu, saya berharap agar bangsa Malaysia juga akan terus menghayati dan mencintai sejarah tanah air supaya negara kita juga terus kekal dalam peta dunia,” ucap beliau pada program Sumbangan Buku Sejarah dekat Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Butterworth di sini 19 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), K. Kumaran; Pengetua SMK Convent Butterworth, Lim Lean Yolk; guru-



M. SATEES (BARISAN PERTAMA, LIMA DARI KANAN), BARISAN AHLI MAJLIS MPSP, GURU-GURU DAN PARA PELAJAR BERGAMBAR KENANGAN PADA PROGRAM SUMBANGAN BUKU SEJARAH DI SINI BARU-BARU INI.

guru dan para pelajar.

Pada majlis itu, sebanyak 300 buku Sejarah Target A+ diserahkan kepada pelajar-pelajar SMK Convent Butterworth dan SMK Taman Inderawasih, Perai yang bakal menduduki peperiksaan SPM tahun ini.

Mengulas lanjut, Satees menyatakan bahawa Pilihanraya Umum ke-14 (PRU14) juga merupakan sejarah penting memperlihatkan bagaimana Malaysia telah mencapai puncak demokrasi selepas rakyat di negara ini berjaya menukar kerajaan terdahulu dengan cara yang paling aman.

“Di negara-negara lain cukup susah untuk menukar kerajaan memerintah sehingga ada yang terpaksa melalui perang saudara, dan kita (rakyat Malaysia) sangat bertuah kerana kita mencatat sejarah hanya melalui peti undi.

“(Dan) saya berharap agar di bawah pemerintahan kerajaan baru (Pakatan Harapan), institusi-institusi penting seperti institusi pendidikan dapat ditransformasikan secara menyeluruh demi kepentingan generasi akan datang,” serunya.

## Program gunting rambut percuma terima sambutan, simbol rai masyarakat setempat

### AIR ITAM

Seramai 120 penduduk menyertai program gunting rambut secara percuma dekat Flat Desa Mawar di sini baru-baru ini.

Program anjuran kedua tersebut merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang acap kali dilaksanakan salun dandanan rambut, *Hairstory International* dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Thean Teik.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang, pengajuran program berkaitan adalah simbol meraikan masyarakat setempat.

“Saya gembira melihat program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada komuniti di sini tanpa mengira latar belakang, dan yang penting sekali usaha daripada JKKK Thean Teik dalam menjayakan ia serta mencapai objektifnya,” jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Difahamkan, program yang berlangsung selama dua jam itu adalah melibatkan 30 tukang gunting rambut.

Malah, bagi menghormati wanita Islam yang bertudung, ruangan khas tertutup turut disediakan bagi mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan berkenaan.



JOSEPH NG SOON SIANG (KEMEJA PUTIH) MERAMAHI SALAH SEORANG PENDUDUK PADA PENGAJURAN PROGRAM GUNTING RAMBUT SECARA PERCUMA DI SINI BARU-BARU INI.

# ADUN, MP puji semangat sukarelawan serta kerja kemasyarakatan

Gambar : IDZHAM AHMAD

**PULAU BETONG** – Aktiviti gotong-royong yang menjadi rutin di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong adalah bagi memastikan kebersihan dan keceriaan persekitaran berkaitan terjaga.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, aktiviti hasil kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Empat itu disertai kira-kira 100 individu yang terdiri daripada penduduk kawasan sekitar.

“Kita adakan aktiviti ini di Pusat Harian Harapan Bakti Balik Pulau yang merupakan pusat khas untuk anak-anak istimewa.

“(Dan) kita lihat bukan sahaja waris pelajar istimewa di sini hadir, malah juga hampir keseluruhan jawatankuasa penganjur serta penduduk di sekitar sini,” ujarnya yang turut menyeru agar lebih ramai menyertai kerja-kerja kemasyarakatan secara sukarela pada masa hadapan,” katanya pada pengajuran Program Gotong-royong di Pusat Harian Harapan Bakti Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Menariknya, aktiviti gotong-royong yang diadakan pada 30 September lalu turut disertai Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Ketika berucap, beliau menzahirkan ucapan terima kasih kepada JKKK Simpang Empat dan MBPP kerana berjaya memastikan kelancaran program tersebut.



MOHD. TUAH ISMAIL (TENGAH, BERTOPI HITAM) MERAKAM GAMBAR KENANG-KENANGAN BERSAMA-SAMA BARISAN PENGANJUR DAN PARA PESERTA PROGRAM GOTONG-ROYONG DI PUSAT HARIAN HARAPAN BAKTI BALIK PULAU DI SINI BARU-BARU INI.

“Saya juga terharu dengan sambutan masyarakat dalam menjayakan gotong-royong di pusat (Pusat Harian Harapan Bakti Balik Pulau) ini.

“Mereka ini (anak-anak istimewa) adalah anak syurga yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat dalam apa jua aspek wajar.

“(Dan) sebagai Ahli Parlimen (MP) di sini (Balik Pulau), saya akan melihat keperluan lain untuk membantu pusat ini termasuk membaik pulih bumbung yang telah uzur,” ujarnya.

Aktiviti gotong-royong yang dimulakan dengan acara senamrobik itu turut dijayakan Penghulu Kanan, Mohd. Farouk Varusai dan Ahli Majlis MBPP, Nur Zarina Zakaria.

## Amalan gotong-royong di sekolah jangan bermusim – seru ADUN

### S E R I DELIMA

Cuaca tidak menentu dek hujan serta kekangan masa dalam membuat persiapan menghadapi musim peperiksaan yang dijadual berlangsung dalam tempoh terdekat tidak membantutkan perancangan pentadbiran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Haji Md. Nor Ahmad menganjurkan Hari Gotong-Royong Perdana Peringkat Sekolah 2018 di sini 13 Oktober lalu.

Ketika berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid memuji inisiatif pentadbiran sekolah kerana menganjurkan aktiviti membersihkan kawasan sekolah secara berkala sepanjang tahun, bukan pada musim tertentu sahaja.

“Pilihan untuk membuat perubahan dari segi gaya hidup berada di tangan kita,” katanya ketika merasmikan program tersebut.



SYERLEENA Abd. RASHID (DUAKA KANAN) BERSALAMAN DENGAN BEBERAPA PELAJAR PADA PENGANJURAN HARI GOTONG-ROYONG PERDANA PERINGKAT SEKOLAH 2018 DI SINI BARU-BARU INI.

Menurut Syerleena, amalan memelihara serta memulihara alam sekitar terutama di sekitar kawasan sekolah sebenarnya boleh mewujudkan suasana belajar yang lebih kondusif dalam kelas.

Justeru tambahnya, secara umum, tahap kesedaran pihak pentadbiran sekolah mengenai perihal penting menganjurkan program gotong-royong secara berkala, bukan bermusim, seharusnya dipupuk juga.

Dalam perkembangan berkaitan, Syerleena turut menasihatkan para pelajar supaya mengamalkan budaya santun serta menggunakan Bahasa Melayu tinggi.

## Tubuh Skuad Banjir Bukit Tengah, persiapan hadapi peralihan monsun

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

**BUKIT TENGAH** – Bagi menghadapi peralihan monsun yang dijangka berlaku dari bulan Oktober hingga November 2018, tujuh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Tengah mengambil inisiatif menubuhkan skuad khas dikenali Skuad Banjir Bukit Tengah (SBBT) di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan terabit, Gooi Hsiao-Leung berkata, usaha menubuhkan skuad khas itu adalah bagi memastikan persiapan awal dapat dijalankan sekitarannya berlaku banjir.

“Skuad khas ini bakal wujudkan sebuah pusat operasi tetap bagi memastikan persiapan awal dapat dilakukan bagi mengurangkan permasalahan jika banjir besar berlaku. Pada masa sama, ia juga bagi memastikan bekalan makanan tidak terputus kerana ianya adalah sangat penting terutamanya kepada mangsa-mangsa terlibat.

“Selain itu, fungsi SBBT juga adalah sebagai melaksanakan segala kerja-kerja kecemasan berdasarkan situasi semasa,” jelasnya pada sidang media dekat Balai Bomba dan Penyelamat



GOOI HSIAO-LEUNG (TENGAH, BERKEMEJA PUTIH) MERAKAM GAMBAR KENANGAN BERSAMA-SAMA AHLI SKUAD SBBT DI SINI BARU-BARU INI.

Sukarela Juru, Jalan Sebelas di sini 4 Oktober lalu.

Turut hadir, Komander SBBT, Koay Kok Beng; pengurus-pengurus JKKK setempat dan wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Mengulas lanjut, Hsiao-Leung menyatakan bahawa antara fungsi lain SBBT termasuk memberi maklumat kepada orang awam berkenaan banjir dan jenis bantuan, koordinasi kawasan banjir bersama-sama agensi kerajaan berwajib, mengenal pasti kawasan banjir serta usaha pembersihan saliran tersumbat.

Tambahnya, dalam menangani banjir kawasan Bukit Tengah, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan RM290,000 tahun ini untuk penyelenggaraan sungai dan parapitan di sini.

“Saya difahamkan bahawa Bukit Tengah juga ada rancangan tebatan banjir (RTB) di Parit Lima berjumlah RM14.6 juta serta Parit Empat (RM16.9 juta), dan kedua-dua projek ini dijangka siap pada 15 Mac 2020,” ujarnya.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung inisiatif SBBT, layari Facebook SBBT di [www.facebook.com/BukitTengahFloodRelief/](http://www.facebook.com/BukitTengahFloodRelief/) atau hubungi talian Helpline, 016 - 483 6012.

# Premis makanan yang BERSIH, **SELAMAT dan SIHAT** semestinya “BeSS”



**Pengiktirafan “Bersih, Selamat dan Sihat”  
atau BeSS**

**adalah satu pengiktirafan kepada premis makanan bagi menggalakkan pengusaha premis menyediakan makanan yang selamat dan sihat kepada pelanggan.**

*Premis Makanan BeSS akan sentiasa:*



Mengamalkan  
premis  
yang bersih



Menyediakan  
makanan  
yang selamat



Menyediakan  
pilihan makanan  
yang lebih sihat



Mempromosikan saiz  
hidangan makanan yang  
sesuai mengikut  
keperluan individu

## Cara Memohon:

**Lengkapkan Borang Pemohonan BeSS yang boleh diperolehi di:**

- **Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM), Tingkat 38, KOMTAR atau hubungi talian BKKM: 04-262 5533.**
- **Pejabat Kesihatan Daerah.**
- **Laman Web: <http://fsq.moh.gov.my>.**

**Tiada sebarang caj dikenakan.  
Pengiktirafan ini adalah PERCUMA.**